



● BIL 260 ● 3 - 9 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



## INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT

# IPR NYAWA BAHARU B40

**STEPS TO PURCHASE  
LANGKAH UNTUK MEMBELI**

**STEP 1: Select Product**  
Touch screen to make selection.  
**LANGKAH 1: Pilih Produk**  
Sentuh skrin untuk buat pilihan produk.

**STEP 2: Select Payment**  
Touch **QR Code** or **QR Code**  
To use E-Wallet payment kindly scan QR Code on the screen.  
**LANGKAH 2: Pilih Bayaran**  
Untuk bayaran E-Wallet indah QR kod di skrin.

**OTHER:**  
Notes - Insert note in the note acceptor.  
**ADUN**  
Duit kertas: Masukkan duit kertas ke dalam slot duit kertas.

**STEP 3: Collect**  
Collect product and enjoy!  
**LANGKAH 3: Ambil**  
Ambil produk dan nikmati!

**CUSTOMER SERVICE**  
016-202 4633  
DAILY 9AM - 6PM (Sun - 4pm)  
After Office Hours, Emergency  
Toll-free 24 Hours  
(Whatsapp Only)  
SALES 012-319 9337  
[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



**SISTEM** Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang dibentangkan kerajaan adalah yang paling komprehensif dan terbesar dari segi implikasi kewangan kepada kerajaan.

## Pelarasan gaji lebih 13 peratus babit RM10 bilion Gaji bersih lebih RM2,000

AZLAN ZAMBRY

**P**ENJAWAT awam bakal menikmati kenaikan gaji tertinggi dalam sejarah iaitu lebih 13 peratus berbanding sebelumnya.

Ketika mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata mereka akan menikmati kadar gaji baharu itu pada Disember ini.

“Sejarah kenaikan gaji pada 12 tahun lalu hanyalah 13 peratus sahaja dan saya akan umumkan lebih tinggi daripada itu.

“Oleh kerana saya sudah berjanji, maka kita akan melaksanakan lebih 13 peratus kenaikan gaji dan ia adalah kenaikan terbaik dalam sejarah dan mereka akan mula menikmati pada Disember ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Pekerja 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Kata Perdana Menteri, Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang dibentangkan kini adalah yang paling komprehensif dan terbesar dari segi implikasi kewangan kepada kerajaan.

“Pelarasan emolument tersebut membabitkan implikasi kewangan kerajaan yang mencecah lebih RM10 bilion berikutan jumlah kenaikan yang tinggi dan terbaik dalam sejarah negara.

“Saya mengaku sebelum ini jumlah pendapatan menyeluruh paling minimum yang diterima sebelum ini, iaitu RM1,765 adalah tidak munasabah.

“Menerusi pelarasan itu nanti, pendapatan minimum penjawat awam merangkumi gaji dan elaun tetap perlu melebihi RM2,000 sebulan,” ujarnya.

Beliau menegaskan bahawa kenaikan emolument tidak akan diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang malas, lembap dan sering lewat ke pejabat.

“Kalau rekod pekerjaannya tidak membanggakan, malas, sering lambat dan tidak memberi tumpuan yang baik, tidak layak diberi ganjaran seperti yang dijanjikan kerajaan.

“Ini tanggungjawab kita bersama, baik persatuan atau rakan di jabatan, untuk memastikan dua tiga orang yang lembap ini biar dia kekal di jawatan (sedia ada) selama-lamanya,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Sarawak dan Sabah kerana bersedia untuk melakukan pindaan terhadap Ordinan Buruh Sabah (Ordinan Cap 67) dan Sarawak (Ordinan Bab 76) untuk diselaraskan dengan Akta Kerja 1955 yang terpakai di Semenanjung Malaysia.

“Jadi, akan nampak dari

segi kepentingan pekerja di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah dalam satu garisan yang sama yang *Insha-Allah* akan dibentangkan dalam sidang Parlimen akan datang,” katanya.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) **Datuk Dr Adnan Mat** menyifatkan inisiatif tersebut adalah langkah berani dan betul yang dinantikan semua penjawat awam di seluruh negara.

“Ini memberi kelegaan kepada semua penjawat awam di semua peringkat kerana ia akan meningkatkan gaji bersih boleh guna mereka.

“Kerajaan juga harus terus mengambil inisiatif dengan menyediakan bajet yang lebih baik kepada penjawat awam bagi menghargai mereka yang berbakti kepada rakyat dan negara,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau turut menyeru semua penjawat awam untuk terus bekerjasama dengan kerajaan bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat demi sektor ekonomi.

“Komitmen tinggi penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan sektor ekonomi sudah tentu memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi negara,” katanya. 🗳️

## Bandar Pintar berdaya huni seiring aspirasi

**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** tekad mahu menjadikan Labuan sebagai Bandar Pintar selepas Putrajaya dan Kuala Lumpur demi kemakmuran rakyat di pulau tersebut.

Kata beliau, Labuan berpotensi dijadikan bandar pintar yang berdaya huni seiring dengan aspirasi C.H.A.S.E City yang diperkenalkan di bawah pentadbirannya.

“Sebenarnya Huawei mempunyai beberapa peralatan yang boleh dilaksanakan ada unsur-unsur *smart city*, contohnya yang ditunjukkan adalah ‘smart pole’ yang dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV).

“Ia boleh berfungsi untuk memantau serta memastikan keselamatan bandar dan kesesakan lalu lintas.

“Memandangkan Labuan merupakan pulau, ia boleh memantau risiko-risiko adanya *tsunami* sekiranya terdapat laporan gempa bumi di kawasan berhampiran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada Selasa.

Semasa lawatan kerja ke Labuan baru-baru ini Zaliha turut mendengar taklimat yang disampaikan penyedia perkhidmatan teknologi maklumat, komunikasi dan kecerdasan buatan (AI), Huawei dan berpeluang melihat demo ‘smart pole’.

“Saya tekuni taklimat yang disampaikan yang membentangkan Labuan Intelligence Operational Centre dalam menerapkan Labuan sebagai bandar pintar berdaya huni.

“Ini adalah satu teknologi yang baik dalam menjadikan Labuan sebagai bandar pintar selaras dengan aspirasi CHASE City,” katanya.

CHASE City merupakan inisiatif yang mempunyai lima komponen yang dicetuskan beliau untuk melonjakkan ekonomi, reformasi dan menstrukturkan semula ekonomi Wilayah Persekutuan sebagai hab serantau sekali gus menyokong kepada kemampuan model ekonomi negara.

CHASE adalah *CLEAN CITY* (bandar bersih), *HEALTHY CITY* (bandar sihat), *ADVANCED CITY* (bandar maju), *SAFE CITY* (bandar selamat) dan *ECO FRIENDLY CITY* (bandar mesra alam). 🗳️



**ZALIHA** beramah mesra pada program Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

## Task Force Jambatan Labuan - Menumbok akan laksana kajian teknikal

**PASUKAN** Petugas Khas (*Task Force*) Jambatan Labuan - Sabah yang diterajui Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bersedia melaksanakan kajian teknikal namun tertakluk kepada perbelanjaan yang akan diluluskan kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata pasukan yang turut dianggotai Kementerian Kerja Raya (KKR) itu telah mengadakan pertemuan dengan pemegang taruh dalam

usaha memastikan projek tersebut dapat dilaksanakan.

“*Task Force* ini telah bersedia untuk melaksanakan kajian teknikal untuk pembinaan jambatan tersebut kerana sebelum ini hanya ada kajian kebolehlaksanaan yang dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) namun ia sudah agak lama, manakala kajian teknikal belum pernah dilaksanakan.

“Ia memerlukan kajian teknikal

untuk memastikan adakah benar-benar boleh dibuat dan berapakah perbelanjaan yang mungkin terlibat jika jambatan itu akan dilaksanakan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) pada Selasa.

Terdahulu, beliau telah mengumumkan penubuhan tiga pasukan petugas sebagai usaha merancang ekonomi Labuan yang perlu menumpukan

terhadap pembangunan pelancongan, pembinaan jambatan Labuan-Menumbok dan meningkatkan aktiviti pemindahan kargo kapal ke kapal.

Sementara itu, beliau berkata lawatan kerja keempat yang dilaksanakan setiap bulan ke Labuan baru-baru ini menekankan mengenai pelaksanaan program yang perlu dibuat bagi menggalakkan dan meningkatkan promosi terhadap sektor pelancongan di sana.

“Labuan ada acara bertaraf

antarabangsa iaitu Labuan International Sea Challenge (LISC) yang sebenarnya kita laksanakan bersekalinya dengan minggu perpaduan peringkat Labuan.

“Kita gabungkan dan ada beberapa acara yang turut dimuatkan aktiviti sukan yang melibatkan penyertaan daripada 11 buah negara. Jadi di sini juga merupakan antara cara bagaimana untuk kita menggalakkan ekonomi dan juga industri pelancongan di Labuan,” katanya. 🗳️

Kerajaan harus sedia sokongan berterusan

# IPR buka lembaran baharu usahawan B40

AZLAN ZAMBRY

**I**NI SIATIF Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilancarkan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dilihat memberi harapan baharu kepada rakyat yang menceburi bidang perniagaan sekali gus membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia, **Dr Syed Agil Alsagoff** berkata program seumpama ini harus diperluaskan kepada lebih ramai golongan rentan yang berkeupayaan dan mempunyai kemahuan untuk mengubah kehidupan untuk berjaya.

“Program ini dapat membantu dan membentuk usahawan bumiputera, golongan B40, graduan yang memburu pekerjaan ataupun usahawan-usahawan muda yang bersedia menceburi bidang perniagaan dengan kos yang sedikit,” katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Rabu.

Jelas beliau, bagi mempertingkatkan lagi keupayaan usahawan sedia ada, sistem sokongan yang perlu dipergiatkan khususnya dari aspek sokongan modal, latihan keusahawanan dan sistem pemantauan.

“Kementerian Ekonomi sebagai pencetus idea ini juga harus menyediakan khidmat rundingan perniagaan yang berterusan bagi

memastikan program ini dapat dijayakan dengan holistik.

“Selain itu kerajaan harus menyediakan sistem sokongan modal, latihan, pemantauan dan rundingan perniagaan berterusan kepada para usahawan bagi menggalakkan mereka memperluaskan pasaran niaga serta mempelbagaikan produk jualan.

“Usahawan juga harus lebih kreatif serta inovatif dalam usaha untuk memasarkan produk supaya ia dapat diterima oleh pelanggan dan menyokong sistem penjualan ini secara berterusan,” katanya.

Beliau juga percaya perkongsian dan kerjasama di antara usahawan dengan para pembekal produk dan perkhidmatan, para pengusaha industri sederhana untuk mempelbagai dan menginovasikan produk perlu diperkasakan.

“Agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan lain-lain dapat memainkan peranan dengan memberi perkhidmatan dan sokongan padu kepada pengusaha bukan sahaja dari segi pinjaman tetapi pemantauan kemajuan perniagaan mereka,” katanya.

Menurut Syed Agil, kejayaan inisiatif ini boleh diukur daripada



SYED AGIL



**INISIATIF menerusi mesin layan diri ini bukan sahaja membantu mengurangkan beban pembeli malah telah membuka peluang tambahan kepada usahawan untuk meningkatkan pendapatan bulanan.**

pengembangan dan perluasan perniagaan, daya kreativiti dan inovatif dalam kalangan pengusaha.

“Apa yang paling penting ialah memastikan semua pengusaha terlibat dapat

menjalankan perniagaan ini secara berterusan, dan dibimbing serta dapat mengenal pasti masalah dan cabaran pengusaha menjalankan perniagaan tersebut.

“Sokongan padu ini haruslah

berterusan malah boleh mengembangkan perniagaan dalam bentuk penyewaan premis, peralihan kepada sistem francais sekali gus dapat memajukan usahawan terlibat,” katanya.

## Peserta raih ribuan ringgit sebulan di bawah kategori INSAN

SYED HAZIQUE

**I**NI SIATIF Pendapatan Rakyat (IPR) sememangnya memberikan sinar baharu buat para usahawan khususnya kepada golongan miskin tegar dan B40 dalam usaha untuk mengubah nasib mereka.

Menurut salah seorang peserta di bawah kategori Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), **Amiruddin Ahmad Abdul Jalil**, 29, dia bersyukur kerana mampu merasai sedikit kesejahteraan hidup.

“Alhamdulillah dengan adanya mesin layan diri (*vending machine*), dapatlah saya menambah pendapatan yang mana sebelum ini hanya sekadar cukup makan sahaja.

“Saya menjual pelbagai makanan antaranya nasi, mi, sandwich dan kuih pada harga antara RM2 hingga RM5 menerusi mesin layan diri. Ia memudahkan urusan mereka yang menjejat masa untuk mengalas perut.

“Pada mulanya memang sukar



**Amiruddin dihadapan mesin layan diri yang diletakkan di KL Sentral.**

untuk dipercayai, tetapi hasilnya agak lumayan juga. Setelah tolak modal dan sebagainya, saya mampu meraih keuntungan bersih yang sangat berbaloi kira-kira RM3,000 sebulan,” ujarnya.

Mesin tersebut diletakkan

di sekitar KL Sentral dengan anggaran jumlah kos di KL Sentral mencecah RM2,000 termasuk sewa tapak dan utiliti lain namun ia ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

“Pelbagai manfaat diterima termasuk tidak dikenakan

sewa selama dua tahun dan cas elektrik pula ditanggung pemilik tapak atau rakan strategik.

“Ia adalah satu inisiatif yang sangat bagus untuk masyarakat dan perlu diraih bagi menambah pendapatan terutamanya dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini,” ujarnya ketika dihubungi.

Amiruddin turut menyarankan agar golongan berpendapatan rendah terutamanya anak muda untuk lebih cakna dengan inisiatif kerajaan yang mampu menjana pendapatan.

“Anak muda terutamanya perlu sentiasa sematkan perasaan berani untuk mencuba sesuatu baharu bagi mengubah nasib selain memberi kehidupan lebih selesa.

“Saya bekerja sepenuh masa tetapi tetap mencabar diri menyertai program ini untuk jana pendapatan sampingan sebab saya tinggal di bandar dan kos sara hidup pula tinggi di sini.

“Rezeki tidak datang bergolek, banyak inisiatif yang disediakan kerajaan, cumanya, semua atas diri kita sendiri sama ada mahu atau tidak. Tiada jalan singkat untuk berjaya,” katanya.

Sementara itu, rata-rata peserta INSAN di seluruh negara mencatat jualan luar biasa melalui mesin layan diri antaranya salah seorang peniaga kukus di Puncak Alam yang berjaya meraih RM14,000 sebulan.

Di Kelantan pula media melaporkan salah seorang peserta, Wan Asikin Wan Hassan berjaya mengubah kehidupan dengan memperoleh pendapatan 10 kali ganda daripada hasil menjual nasi lemak, kuih muih dan sebagainya.

Mesin layan diri yang diletakkannya di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan mampu mencatat hasil jualan antara RM13,000 hingga RM21,000 sebulan.

## Isu kasino di Forest City

# PM tegas tolak dakwaan beri lesen

**P**OLEMIK lesen kasino di Forest City, Johor merupakan isu yang hangat diperdebatkan di media sosial. Tuduhan yang mendakwa Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan kasino berlesen di lokasi tersebut adalah tidak berasas.

Ia menimbul kegusaran khusus dari rakyat beragama Islam dan Melayu. Malah tidak kurang juga yang melabel PM mempersendakan agama Islam disebabkan fitnah yang telah dilemparkan.

Tampil menafikan tuduhan tersebut, tindakan Anwar dilihat sedikit sebanyak berjaya menutip gelombang fitnah daripada sumber media antarabangsa, *Bloomberg*.

Rakyat turut menarik nafas lega dengan penafian tersebut tambah lagi PM turut menegaskan tiada sebarang perancangan ke arah perkara tersebut.

"Tiada kasino berlesen..tipu.. tidak betul," ujar beliau kepada media ketika menghadiri Majlis Madani Muhibah Aidilfitri di perkarangan Kementerian Komunikasi serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini.

Tambah Anwar sebuah agensi berita asing yang telah mengaitkan pihak tertentu dan mendakwa kerajaan merancang mengeluarkan lesen pengoperasian kasino di Forest City, Johor, perlu diambil tindakan yang sepatutnya.

"Mereka yang disentuh (dalam laporan itu) perlu mengambil tindakan sewajarnya," jelas beliau ketika ditanya adakah kerajaan akan meminta agensi tersebut



ISU kasino yang didakwa bakal dibuka di Forest City boleh menjejaskan nama baik Johor. -Gambar hiasan

menarik balik laporan mereka atau mengenakan tindakan undang-undang.

Agensi berita yang berpangkalan di New York itu mendakwa pengasas Berjaya, Tan Sri Vincent Tan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Kok Tay sedang dalam perbincangan dengan kerajaan untuk membuka sebuah kasino di Forest City.

Laporan tersebut turut menjelaskan perbincangan yang berlangsung berkenaan pemberian lesen tersebut masih dalam peringkat awal.

Sementara itu, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dalam satu kenyataan turut menegaskan tiada kasino akan dibuka atau beroperasi di negeri tersebut.

Malah beliau berharap isu

terbabit tidak lagi dipanjangkan kerana boleh menjejaskan nama baik Johor selain keharmonian masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum.

Sebagai info, Projek Forest City yang terletak di Gelang Patah bermula pada tahun 2015 dan sejumlah 28,000 unit kediaman telah siap dibina selain fokus utama pemaju kepada pulau buatan pertama seluas 560 hektar. 📌

## Anwar terbuka terima sebarang teguran

**PELBAGAI** kata-kata sinis yang dilemparkan kepada kerajaan akhir-akhir ini antaranya tidak menghiraukan pendapat rakyat, pantang dikritik selain suka mengikut kepala sendiri.

Walau bagaimanapun dakwaan tersebut dilihat sengaja dicipta hanya kerana tidak berpuas hati dengan pemerintahan Kerajaan Perpaduan selain untuk mencetuskan tanggapan buruk dalam kalangan rakyat.

Sedangkan jika dilihat sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengalu-alukan sesiapa sahaja termasuk penjawat awam agar memberikan input sekiranya merasakan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri dirasakan tidak bijak.

"Mana-mana keputusan, kalau saudara merasakan ini keputusan Jemaah Menteri yang tidak bijak, jadi segera bagi input, tetapi apabila keputusan sudah dibuat penjawat awam mesti jalankan dasar yang dibuat dan ini dasar baharu bukan sahaja bagi saudara, malah kepada saya juga," katanya

Dalam masa sama, bukan hanya



ANWAR hadir pada Sesi Townhall Lebaran Aidilfitri Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri.

menegur atau boleh mengkritik secara baik, kerajaan juga perlu sokongan daripada penjawat awam dalam memperbaiki lagi kelemahan yang ada.

"Dasar-dasar dan segala inisiatif yang diperkenalkan

oleh kerajaan yang memerintah pastinya sentiasa didukung sepenuhnya oleh para penjawat awam bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mencapai objektif yang diharapkan.



### KUALA LUMPUR

24/5 - 2/6/24: PBAKL2024 @ WTCKL

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City



### PUTRAJAYA

3 - 5/5/24: Jom Heboh @ Putrajaya

5/4 - 5/5/24: Insentif Kediaman Hijau Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



### LABUAN

3 - 5/5/24: Labuan Big Show 2.0! @ Dataran Labuan

3 - 5/5/24: Pertandingan Fotografi @ Dataran Labuan

3 - 5/5/24: Labuan Big Show @ Dataran Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

**M**ENTERI Sumber Asli dan Kelestarian Alam, **NIK NAZMI NIK AHMAD** mahu terus memperkasakan, memperjuangkan kebaikan alam sekitar di negara.

Pelbagai rintangan serta cabaran yang telah dilaluinya demi memartabatkan atau mengangkat kepentingan kehijauan di negara.

Walau bagaimanapun beliau tahu perubahan tidak boleh dilakukan dalam sekelip mata namun tetap yakin dengan perjuangannya sehingga kini.

Kepada wartawan *Wilayahku*, **SYED HAZIQUE NOR**, YB Nik Nazmi Nik Ahmad sempat meluangkan masa membincangkan berkenaan perancangan tahun 2024 serta inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh perkhidmatan.



## Nik Nazmi lestari kehijauan negara

### Apakah kejayaan atau perancangan yang telah YB dan pihak Kementerian laksanakan?

Di Kementerian, saya banyak tekankan tentang soal tadbir urus serta memperbaharui dasar-dasar bagi memberikan perkhidmatan yang efektif serta memajukan alam sekitar di negara kita ini.

Misalnya, kita ada panel-panel penasihat dan perunding untuk perubahan iklim yang terdiri daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan serta pihak swasta.

Sementara panel pula terdiri daripada badan bukan kerajaan (NGO) termasuk golongan belia bagi memastikan tujuan ini tercapai. Dengan adanya panel-panel ini dasar-dasar yang dirangka untuk melibatkan alam sekitar dapat dirunding secara langsung walaupun ada libat urus dengan badan-badan lain.

Pihak Kementerian juga sedang memartabatkan peranan anak-anak muda dan belia dalam soal merangka dasar perubahan iklim dan alam sekitar sebab kita tahu mereka merupakan golongan yang paling terkesan dengan perubahan iklim dan alam sekitar ini.

Pada masa sama di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara pula sedang dalam proses bagi meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling, bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana kita ada meningkatkan kadar penalti dan kompaun untuk penjenayah alam sekitar.

Sebagai contoh, kita mahu meminda denda maksimum daripada RM100,000 kepada RM10 juta terhadap penjenayah

alam sekitar selain penjara mandatori.

Jika dilihat, bila denda rendah orang berani justeru itu dengan ini, bila hukuman ditingkatkan orang jadi takut untuk merosakkan alam sekitar. Dalam pada itu, bagi soal subsidi bersasar, sebelum Kementerian ini dipecahkan, kami sudah berjaya merangka dasar bagi mengurangkan nilai subsidi yang diberi.

Itu adalah antara kejayaan yang telah digapai sepanjang tempoh perkhidmatan saya di sini.

### Apakah antara cabaran-cabaran atau rintangan sukar yang perlu YB tempuhi?

Banyak cabaran yang perlu saya tempuhi apatah lagi memegang tanggungjawab serta amanah yang tentu sekali bukan satu perkara yang mudah.

Antara cabarannya adalah semasa penyaluran subsidi, sudah tentunya menimbulkan kegusaran dan sedikit ketegangan bersama rakyat kerana ditakuti akan membebankan mereka dan menambah kos.

Walau bagaimanapun Alhamdulillah semuanya berjalan lancar dan mereka mula faham keadaan semasa.

Duit yang kerajaan dapat jimat daripada subsidi itu juga, kita salurkan balik dengan membaiki infrastruktur yang uzur dan sebagainya. Di samping ia juga dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar ini.

### Apakah fokus YB dalam pelan jangka masa pendek dan panjang?

Banyak yang ingin saya dan pihak Kementerian laksanakan demi memberi kualiti kehidupan yang terbaik buat rakyat Malaysia.

Namun, saya lebih memfokuskan kepada hasil atau *end results* yang dicapai hasil daripada perancangan-perancangan atau penguatkuasaan yang dijalankan.

Itu semua bukan mudah, saya dan pasukan akan turun padang mendengar rintihan atau permasalahan yang terjadi, cari solusi yang terbaik, itu antara konsep yang dilakukan demi membantu meminimalkan masalah alam sekitar ini.

### Bagaimana pula YB melihat daripada segi penguatkuasaan yang telah dilaksanakan?

Memang banyak penguatkuasaan telah dilakukan dari semasa ke semasa, di pihak Kementerian melalui agensi-agensinya juga ada membuat pemantauan atau penguatkuasaan secara *underground*.

Kami juga sering melakukan kerjasama dengan agensi-agensi serta Kementerian lain dalam meminimalkan masalah atau membanteras jenayah alam sekitar ini.

Setakat ini saya berpuas hati dan akan sering menambah baik penguatkuasaan dalam menjaga alam sekitar agar tidak dirobek atau ditarah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

### Perubahan iklim melanda seluruh dunia ketika ini, apakah langkah yang telah dilaksanakan pihak Kementerian?

Itu adalah isu yang sangat penting untuk ditangani. Bukan sahaja negara Malaysia berdepan dengan masalah ini malah ia merupakan masalah global ketika ini.

Pihak Kementerian sedang dalam proses membangunkan RUU Perubahan Iklim Negara dan draf tersebut sedang disiapkan. Banyak perkara-perkara yang perlu kita perhalusi sebelum ia dilaksanakan pada masa hadapan.

Selain itu, banyak lagi perancangan lain yang sedang dan telah dijalankan dalam memastikan mencapai sasaran iaitu sifar bersih seawal tahun 2050.

Menurut ramalan pakar-pakar, jika kita tidak mengambil langkah-langkah dari awal, kadar pemanasan akan menjadi lebih teruk sekali gus memberi kesan kepada alam sekitar di negara.

### Isu perubahan iklim juga sedikit sebanyak mengganggu industri pemakanan. Apakah kerjasama yang dilakukan untuk mengelakkan ia menjadi lebih parah?

Itu sudah pasti, kita ambil contoh padi, ia sedikit sebanyak merugikan pesawah apatah lagi dengan cuaca panas yang menyebabkan padi kering dan tidak dapat hasil sekali gus mengurangkan pendapatan mereka.

Justeru itu, perkara ini amat penting untuk ditangani secara bersama demi memastikan rakyat dapat memiliki kehidupan yang selesa.

Ada beberapa langkah pencegahan telah dijalankan

bersama Kementerian serta agensi-agensi kerajaan, antaranya bagaimana untuk mengatasi air yang banyak, tanah runtuh dan pelbagai lagi yang mungkin juga boleh memberi kesan kepada ekonomi rakyat.

### Pada pandangan YB sendiri, apakah tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap isu alam sekitar ini?

Pada hemat saya, majoritinya memang sudah sedar dengan kepentingan menjaga alam sekitar ini, itu memang tidak diragukan dan ia memang satu perkara yang positif.

Namun ada juga sesetengah pihak yang memandang sebelah mata sahaja, mengendahkan sahaja, itu yang tidak mahu, peliharalah alam ini demi kebaikan semua pihak.

Kita akan memberi kesedaran kepada semua dari semasa ke semasa dan akan menambah baik lagi program-program yang melibatkan masyarakat.

### Apakah harapan YB kepada rakyat?

Besar harapan yang saya mahu capai ini namun, saya mahu orang ramai sedar kepentingan menjaga alam sekitar ini.

Di pihak Kementerian juga akan terus melaksanakan program kesedaran agar dapat meminimalkan penjenayah-penjenayah alam sekitar dengan kerjasama semua pihak.

Diharapkan juga, rakyat atau semua pihak memainkan peranan yang penting dalam memelihara alam sekitar ini. 🌿

# Kesukaran penyediaan infrastruktur sokongan untuk penduduk Tangani segera isu pembangunan berlebihan

AZLAN ZAMBRY

**P**EMBANGUNAN berlebihan di Kuala Lumpur merupakan satu isu yang perlu ditangani segera memandangkan ia berkait rapat dengan penyediaan infrastruktur sokongan dalam menampung pertumbuhan penduduk yang semakin meningkat.

Ahli Parlimen Wangsa Maju, **Zahir Hassan** berkata kerajaan perlu mencari kaedah dalam menyelesaikan isu berkenaan memandangkan rancangan pembangunan yang telah diluluskan sebelum ini dilihat mengabaikan masalah tersebut.



ZAHIR

“Untuk Parlimen Wangsa Maju, pada tahun ini sahaja ada tiga buah pembangunan yang akan siap dan kunci akan diserahkan kepada pemilik melibatkan kira-kira 3,360 unit yang berkemungkinan akan berpindah ke kawasan itu.

“Contohnya jika kita sudah siap 3,360 unit rumah, mereka yang akan berpindah ke sini adalah dari keluarga yang muda yang mempunyai anak kecil yang



**PEMBANGUNAN** perumahan bertingkat yang berlebihan berisiko mengancam kesejahteraan rakyat.

bersekolah rendah. Setiap unit di tiga pembangunan ini hanya ada satu keluarga serta mempunyai seorang anak bersekolah rendah, bermakna kita memerlukan penempatan 3,000 murid sekolah berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) pada Selasa.

Jelas Zahir, disebabkan infrastruktur sokongan itu tidak wujud dari awal, mereka terpaksa menghantar anak ke luar kawasan rumah dan berkemungkinan jaraknya agak

jauh dari penempatan mereka dan melibatkan kos tambahan kepada penduduk.

“Ini bermaksud, mereka yang akan tinggal di unit masing-masing pasti memerlukan infrastruktur baharu tidak sekadar sekolah, bahkan klinik kesihatan yang perlu diwujudkan bagi menampung

pertambahan penduduk di kawasan berkenaan,” katanya.

Zahir berkata beliau telah mencadangkan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur supaya Ahli Parlimen perlu dimaklumkan terlebih dahulu sebelum memberikan kelulusan untuk perintah pembangunan (*Development Order*).

“Kita telah kemukakan perkara itu dalam mesyuarat dengan Datuk Bandar dan pihaknya akan mempertimbangkan cadangan itu jika ia tidak melanggar apa-apa peraturan dan undang-undang,” katanya.

Tambah Zahir, untuk melibatkan Ahli Parlimen dalam perbincangan kelulusan itu tidak perlu cuma saya minta ia perlu dimaklumkan kepada Ahli Parlimen sebelum diluluskan.

“Ya bertujuan supaya Ahli Parlimen tahu dalam kawasan perkhidmatan mereka ada permohonan DO, jadi mereka boleh memberikan input. Jika ia sudahpun diluluskan, dan baru Ahli Parlimen hendak memberikan pandangan, maka itu sudah lambat. “Selain itu, cadangan yang diutarakan itu adalah supaya sebelum ia diluluskan, kita dapat diberi peluang untuk memberikan input,” katanya. 📌

# Noktahkan segera peniaga ‘rambo’ Bazaria Wangsa Maju

HAZIRAH HALIM

**KEHADIRAN** peniaga haram atau ‘rambo’ tanpa lesen sah daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilihat semakin berleluasa terutama di sekitar ibu kota.

Bazaria Wangsa Maju yang dahulunya dikenali sebagai Uptown Danau Kota turut menjadi salah satu lokasi tumpuan (hotspot) kegiatan tersebut sehingga menimbulkan pelbagai masalah dalam kalangan penduduk setempat dan menjejaskan perniagaan peniaga berlesen.

Menurut Pengerusi Persatuan Peniaga Berlesen Bazaria Wangsa Maju, **Mohd Ramdzan Ziman**, beberapa aduan dan laporan telah dikemukakan kepada DBKL namun aktiviti tersebut dilihat semakin bertambah dan tidak boleh dikawal terutama sejak bulan Ramadan lalu.

“Semua sedia maklum, tidak hanya pada Ramadan atau Aidilfitri, Bazaria Wangsa Maju ini merupakan salah satu uptown yang sangat terkenal dan menjadi tumpuan pengunjung dari seluruh negara.

“Disebabkan ia jadi tumpuan, maka banyak peniaga haram yang berani berniaga di tepi-tepi jalan sedangkan kami membayar



**KEHADIRAN** peniaga ‘rambo’ menyebabkan kerugian kepada peniaga yang mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh DBKL.

tapak setiap bulan pada DBKL sebanyak RM216,” katanya kepada Wilayahku.

Mohd Ramdzan berkata berdasarkan pemerhatian ahli persatuannya pada tahun ini mendapati aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh peniaga tanpa lesen lebih banyak berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 200 peniaga ‘rambo’ tidak termasuk 500 peniaga

berlesen di sini.

“Tidak salah untuk berniaga tapi perlulah dengan cara yang betul, kesian kepada para peniaga. Ada kalanya mereka terpaksa menanggung kerugian dan tidak dapat sambutan disebabkan sikap sesetengah peniaga tersebut,” katanya.

Katanya, pelbagai tindakan telah diambil oleh persatuan dan DBKL namun peniaga rambo

tersebut masih berani berniaga tanpa kebenaran di kawasan itu.

“Kami berharap DBKL meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga tanpa lesen tersebut sekali gus mengurangkan kebimbangan peniaga berlesen,” katanya.

Sebelum ini, beliau bersama ahli persatuannya telah mengadakan sidang media mengenai peniaga berlesen

Bazaria Wangsa Maju yang mendakwa dianaktirikan oleh DBKL.

Dalam pada itu, ditanya mengenai spekulasi pemindahan Bazaria Wangsa Maju ke lokasi baharu, Mohd Ramdzan berkata peniaga dijangka akan berpindah pada penghujung tahun ini.

“Saya difahamkan, lokasi baharu terletak di sebelah kawasan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sekitar kawasan ini juga, namun apabila ditanya kepada peniaga, hampir 80 peratus tidak bersetuju kerana rata-ratanya sudah lama berniaga di lokasi itu sejak belasan tahun dahulu.

“Selain itu, saya juga berharap lokasi baharu ini dapat mengurangkan masalah runtuhan penduduk berhubung isu parkir yang dikatakan mengganggu penduduk serta menghalang laluan.

“Tuntasnya, saya harap DBKL akan membantu kami membuat hebahan promosi secara besar-besaran agar operasi niaga dapat diteruskan seperti biasa sekali gus tidak memberi kesan kepada peniaga terutama dari segi keuntungan dan jualan,” katanya. 📌

# Formula Raja Formula mula terbukti


**ZULKIFLI SULONG**

**K**ETIKA Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memperkenalkan penggunaan *vending machine* atau mesin menjual melalui IPR (Inisiatif Pendapatan Rakyat), beliau dicemuh dengan pelbagai dakwaan.

Gelaran Raja Formula diberikan kepada Rafizi untuk memperlekeh beliau. Gelaran itu diberikan kerana banyaknya formula yang diperkenalkan Rafizi untuk menyelesaikan pelbagai masalah negara.

Rafizi diperlekeh bukan sahaja oleh walaun atau walauntit bawahan yang menurut sahaja arahan pemimpin mereka, tetapi juga oleh pemimpin atau jeneral utama mereka.

“Dia cadang nak jual nasi lemak dalam *vending machine*. Kepala bapak punya mesin,” kata Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS yang juga Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Md Nor memperlekehkan cadangan Rafizi itu.

Rafizi digelar Raja Formula ketika beliau memberikan cadangan dan saranan semasa beliau adalah pembangkang. Kini cabaran

kepada Rafizi adalah membuktikan formula beliau bukan saja-saja formula tetapi formula yang boleh membawa kejayaan.

Kini, satu persatu formula Rafizi mula menunjukkan hasilnya. Projek menjual makanan melalui *vending machine* kini hangat diperkatakan.

Seorang mangsa banjir di Segamat, Haida Abdul Rahman, 48, mula berjinak dengan projek ini Januari lepas ketika berada di pusat perpindahan.

Selepas melalui beberapa proses perhubungan dengan Kementerian Ekonomi, Haida dibekalkan mesin ini melalui projek IPR di bawah kategori Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN). *Vending machinenya* ditempatkan di UiTM Segamat.

Haida menyediakan menu pada waktu siang termasuklah nasi lemak, sandwich dan kuih-muih manakala pada waktu malam, antara menu yang disediakan adalah spageti, baby john (roti john kecil) dan oblong daging selain makanan Korea seperti bibimbap dan ramen.

Dia mampu meraih pendapatan bersih sehingga RM2,000 seminggu dan RM5,000 sebulan. Ia berlaku selepas tiga atau empat bulan selepas dia mula berhubung dengan IPR.

Sebuah keluarga di Kelantan pula berjaya mengubah kehidupannya dari hanya beroleh pendapatan RM500 sebulan kini melonjak 10 kali ganda lebih tinggi

selepas menyertai IPR.

Seorang suri rumah, Wan Asikin Wan Hassan, 42, berkata dia memperoleh hasil jualan antara RM13,000 hingga RM21,000 setiap bulan berkat jualan menu rahmah melalui mesin menjual.

Mesin layan diri itu terletak di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan yang sering menyaksikan barisan pelajar menunggu giliran membeli makanan.

Menurut Kementerian Ekonomi, IPR fokus dengan strategi serampang dua mata untuk menambah pendapatan keluarga miskin tegar dan B40 pada masa yang sama berusaha menyelesaikan masalah ekonomi harian menerusi inisiatif-inisiatif IPR.

IPR menumpukan usaha membasmi kemiskinan dan menambah pendapatan rakyat menerusi inisiatif pertanian, perniagaan makanan dan operator perkhidmatan

IPR akan mewujudkan ekosistem antara pemohon, pemegang taruh dan masyarakat setempat.

IPR mempunyai tiga kategori iaitu Usahawan Tani, Usahawan Makanan dan Operator Perkhidmatan.

Dengan kejayaan beberapa peserta IPR, rakyat negara ini mula membuka mata tentang formula ini. Orang ramai mula berebut-rebut untuk menyertai inisiatif ini selepas ia terbukti berjaya.

Walaupun Inisiatif Usahawan

Tani atau INTAN menjadi tunggak utama projek ini tetapi sehingga kini hanya peserta projek INSAN sahaja yang menonjol dengan kejayaan beberapa pengusaha makanan ini.

Menurut Kementerian Ekonomi, INSAN bukan sahaja melibatkan pengusaha mesin menjual sahaja bahkan juga banyak pihak lain.

1. Syarikat-syarikat yang ingin menyediakan kemudahan makanan kepada pekerja-pekerja mereka.

2. Pemilik atau pengusaha premis-premis agensi kerajaan pada peringkat persekutuan dan negeri.

3. Institusi pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti yang berhasrat untuk menggunakan mesin menjual untuk menyediakan makanan kepada pelajar, kakitangan dan pelawat.

4. Stesen-stesen LRT

5. Hospital dan kemudahan kesihatan yang berhasrat untuk menggunakan mesin menjual untuk menyediakan makanan kepada pesakit, pelawat dan staf.

(INTAN pula merangkumi syarikat pertanian, rantaian peruncitan makanan, pengeksport, agensi-agensi kerajaan berkaitan dan juga koperasi.

Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) pula melibatkan

syarikat-syarikat swasta yang memerlukan pekerja-pekerja sambilan untuk tujuan pembersihan premis dan juga premis-premis agensi kerajaan.

Menumpukan kepada tiga inisiatif ini, IPR kini mengorak langkah untuk menyelesaikan masalah kekurangan pendapatan dalam kalangan rakyat negara ini.

Dengan cara ini, setiap keluarga tidak lagi tertumpu kepada pendapatan yang dibawa balik oleh ayah atau ketua keluarga berkenaan sahaja bahkan boleh mendapat pendapatan tambahan melalui IPR ini.

Selepas beberapa peserta IPR menunjukkan kejayaan, kita yakin berbondong-bondong rakyat negara ini yang memerlukan pendapatan tambahan menyertai IPR.

Dengan cara itu, cita-cita kerajaan Malaysia untuk membantu rakyat menyelesaikan masalah ekonomi dan mengeluarkan mereka daripada cengkaman kenaikan kos sara hidup yang tidak boleh dikawal ini akan menunjukkan hasil.

Kalau selama ini orang hanya mentertawakan Rafizi sebagai Raja Formula untuk memperlekehkan beliau, kini terbukti formula Rafizi *worked*.

**TULISAN ini sekadar pandangan bukan untuk mengangkat atau memperlekehkan sesiapa.**

## DBKL tangani warga asing



## Ayuh mohon jadi cikgu!

**TIADA** apa yang dapat difazkan oleh orang ramai, khususnya warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), selain ucapan tahniah dan syabas kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang terus-menerus membanteras kehadiran peniaga warga asing di ibu kota.

Pihak DBKL komited memastikan kawasan-kawasan strategik seperti pasar borong, Chow Kit, Bukit Bintang dan lain-lain tidak dicemari dengan aktiviti berniaga tanpa lesen oleh warga asing. Perbuatan mereka mengganggu peniaga tempatan yang memiliki lesen perniagaan sah.

Baru-baru ini DBKL melancarkan gerakan meroboh gerai warga asing di Lorong Muih, berhampiran pasar Chow Kit. Kawasan ini merupakan pusat peniaga dan penjaja warga asing yang dikatakan telah lama beroperasi secara haram.

Kawan-kawan Kedai Kopi (K4KK) angkat topi kepada DBKL atas tindakan diambil. Ucapan tahniah juga kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa kerana mengambil tindakan tegas menangani isu yang sudah lama berlarutan.

DBKL memberi jaminan akan sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan panas yang dianggap lubuk warga asing berniaga. Apabila kawasan sedemikian dapat sahaja dikesan, DBKL tidak teragak-agak mengambil tindakan pantas.

Bagi K4KK, sangat bertepatan tindakan

drastik terhadap peniaga warga asing kerana mereka dilihat sebagai kelompok yang sengaja melanggar peraturan yang tidak membenarkan mereka berniaga. Kelompok ini juga tidak takut atau serik walapun pelbagai tindakan diambil terhadap mereka sebelum ini.

Tabiat mereka ini bagai pahat dengan penukul. Sekali DBKL bertindak, mereka akan patuh sekejap sahaja. Selepas itu akan kembali dengan aktiviti masing-masing dengan harapan DBKL telah lupa kehadiran mereka.

Ini andaian yang silap kerana pemantauan berterusan sentiasa dilakukan. Peniaga warga asing ibarat pelanduk yang lupukan jerat tetapi jerat DBKL tidak lupukan pelanduk. Jika terus degil bersedialah menerima akibatnya. Pihak DBKL tidak akan berkompromi dengan mereka yang mempermainkan undang-undang negara.

Kita yakin DBKL akan terus tegas melaksanakan tindakan. Seluruh kawasan dalam bidang kuasanya diteliti dan dipantau bagi mengesan dan membanteras peniaga warga asing tanpa rasa takut atau pilih kasih.

Orang ramai terutama warga kota, bantulah DBKL untuk membolehkannya menjalankan tugas dengan lancar dan berkesan. Jika tahu kewujudan warga asing berniaga, segera laporkan kepada pihak berkuasa. Bersihkan ibu kota daripada kelibat mereka.

**GURU** antara kerjaya diminati. Kawan-kawan Kedai Kopi (K4KK) percaya ramai yang bercita-cita menjadi guru tetapi masih belum berpeluang mencapai apa yang dikehendaki. Mungkin kerana peluang terhad serta saingan ketat.

Kini peluang terbuka luas. Kategori calon yang boleh memohon ditambah. Bukan sahaja terhad kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tetapi juga lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan matrikulasi.

Ini merupakan usaha menangani kekurangan guru ekoran ramai bersara setelah sampai tempoh perkhidmatan, atau bersara awal. Menurut Kementerian Pendidikan, sejumlah 6,394 guru mohon bersara awal sepanjang tahun lalu.

Jumlah ini meningkat berbanding tahun sebelumnya di mana jumlah yang memohon bersara awal ialah 5,306 orang. Ada kemungkinan angka ini meningkat tahun ini atas sebab-sebab peribadi atau mahu menceburi bidang lain.

Persaraan guru mewujudkan kekosongan ruang agak besar dalam sistem pendidikan negara. Kerajaan tidak mahu keadaan ini menjejaskan sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kerana itu ia mengambil tindakan prokatif dan segera bagi memastikan lompong kekosongan diisi.

Antaranya melantik 6,034 guru kontrak mulai 15 April 2024 untuk ditempatkan

di sekolah menengah dan rendah di seluruh negara. K4KK menyambut baik dan memuji langkah segera kerajaan yang menyerlahkan keprihatinan memastikan guru sentiasa mencukupi.

Untuk itu juga, kerajaan memberi peluang kepada lebih ramai calon untuk menjadi guru. Selama ini peluang terbuka kepada lulusan SPM yang memperoleh kejayaan cemerlang untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara.

Kursus ini mengambil masa lima tahun. Calon yang berjaya menamatkan pengajian akan menerima ijazah perguruan dan diserap sebagai tenaga pengajar tetap. Ini berlainan dengan guru kontrak yang perlu mengambil Diploma Pendidikan jika ingin diserap sebagai guru tetap.

Kini peluang dibuka kepada lulusan STPM, STAM dan matrikulasi Kementerian Pendidikan atau universiti awam untuk menjadi guru. Lebih ramai dijangka memohon. Daripada jumlah yang ramai ini kementerian akan memilih calon terbaik serta komited untuk mendidik anak bangsa. Mereka yang terpilih akan menjalani latihan empat tahun di IPG.

Kepada yang bercita-cita menjadi guru, ayuh mohon segera! Inilah masa mencapai impian. K4KK harap mereka kelak menjadi cikgu yang komited menyemai bakti kepada anak bangsa, masyarakat dan negara.

# Hayati sejarah Hari Pekerja



KU SEMAN KU HUSSAIN

**R**ABU lalu, 1 Mei adalah cuti umum. Seperti biasa apabila tiba hari cuti umum sebahagian dalam kalangan kita mengambil peluang untuk bersama-sama keluarga, ada yang bersiar-siar di pusat beli-belah atau makan di restoran yang agak istimewa.

Buktinya Rabu lalu sekalipun hari cuti dan orang tidak pergi ke tempat kerja, tetapi banyak jalan yang menghala ke pusat bandar raya Kuala Lumpur penuh sesak. Hampir sama sesaknya di pusat beli-belah di Kuala Lumpur dan sekitar Lembah Klang.

Sesetengah orang memang suka dengan cuti umum kerana tidak perlu pergi ke tempat kerja. Bagaimanapun kalau seseorang itu yang gajinya dibayar mengikut hari bekerja, sudah tentu cuti umum itu suatu yang membekankan. Setiap hari cuti umum mereka kehilangan sehari pendapatan.

Semasa saya berkerja sebagai wartawan suatu waktu dulu, cuti umum tidak menjadi perkara istimewa disebabkan tidak semua orang boleh bercuti. Banyak yang terpaksa bekerja ketika orang lain bercuti bersama-sama keluarga. Maka cuti 1 Mei tidaklah istimewa kepada saya dan wartawan-wartawan lain.

Sebaliknya pada tarikh itu kami insaf dengan perjuangan golongan buruh pada abad yang lalu hingga golongan pekerja secara umumnya mendapat haknya. Memang wujud ketidakadilan pada sesetengah hal, akan tetapi secara umumnya golongan pekerja sudah terbelah.

Sebenarnya kalau kita menjujukkan balik sejarah kewujudan 1 Mei atau May Day



yang jauh dalam garis masa itu, rasanya ada yang tidak teruja menyambut cuti umum pada 1 Mei walaupun tidak perlu bekerja. Tarikh 1 Mei adalah meraikan kejayaan daripada pengorbanan, bukan gembira kerana tidak bekerja tetapi tetap mendapat gaji.

Hari Pekerja pada 1 Mei adalah hasil perjuangan golongan proletariat atau buruh yang menuntut hak daripada kapitalis. Semua hak sebagai pekerja terutama kelas bawah yang diperoleh hari ini adalah hasil perjuangan golongan buruh lebih seabad lalu.

Pada Rabu lalu kita meraikan kejayaan memperjuangkan kerja lapan jam sehari oleh Persekutuan Persatuan Buruh pada 1886.

Perjuangan itu diinspirasi daripada kejayaan besar Parti Buruh pada 1872. Gerakan buruh yang menjadi tentangan utama kepada kapitalis ketika itu yang memberikan hak untuk kita bekerja hanya lapan jam sehari.

## SINDROM PAKSA PEKERJA

SEBELUM diwartakan secara rasmi had bekerja lapan jam itu, golongan buruh terpaksa bekerja hingga 16 jam sehari di kilang-kilang milik kapitalis. Penindasan itu berlaku secara berleluasa kerana tidak ada satu undang-undang yang menghalangnya.

Golongan kapitalis menjana keuntungan berganda dengan cara menindas golongan buruh dengan had waktu bekerja yang sangat panjang. Akhirnya ditetapkan hanya bekerja lapan jam sehari. Rasional bekerja dalam had waktu itu adalah hidup bukan untuk bekerja, tetapi bekerja untuk hidup.

Konsep bekerja untuk hidup itu adalah cara yang sewajarnya bagi meraikan sebuah kehidupan. Hidup memang memerlukan duit, tetapi duit pula tidak dapat membeli kehidupan. Maka dalam memburu duit untuk hidup tidak perlulah kita memamatkan kehidupan dengan semata-mata bekerja.

Di mana-mana negara sekalipun, pekerja dan majikan

yang dirujuk sebagai kapitalis oleh tokoh sosialis, Karl Mark adalah sentiasa bertimbal balik antara satu dengan lain. Keduanya saling memerlukan, tidak ada satu maka tidak adalah keduanya. Tidak dinamakan majikan yang tidak ada pekerja, begitu tidak ada pekerja kalau tidak ada majikan.

Lalu, dalam konteks semasa hubungan dan persefahaman antara kedua-dua golongan itu menjadi penanda aras pasaran kerja di sesebuah negara. Keduanya tidak boleh tempang, yakni tidak boleh berlaku tidak jujur secara moral atau undang-undang terhadap golongan satu lagi.

Hubungan majikan dan pekerja sebenarnya adalah satu kitaran. Sekiranya majikan memberikan imbuhan yang munasabah, langkah itu menyumbang pada ekonomi yang stabil kepada sesebuah keluarga dalam masyarakat. Keadaan itu juga menjadi pemangkin lahirnya pekerja yang baik di segi moral – bekerja dengan amanah dan bersungguh-sungguh sekalipun di belakang majikan.

Dengan memiliki pekerja yang bertanggungjawab, majikan juga berpotensi untuk menjana keuntungan sekali gus mewujudkan suasana harmoni di tempat kerja dan juga dalam masyarakat. Majikan mesti

membuktikan yang mereka bukan kapitalis yang mengejar untung tanpa peduli tuntutan kemanusiaan daripada golongan pekerja.

Saya teringat kepada Karl Marx apabila ada kes majikan yang bertaraf konglomerat cuba mengaut untung melalui eksploitasi wabak COVID-19 suatu ketika dulu. Masa itulah mereka mencari alasan untuk mengurangkan pekerja yang ada, memotong gaji dan memerah tenaga dengan beban kerja bertambah dan upah yang kurang.

Sedangkan keuntungan berbelas atau berpuluh tahun sebelum itu sebenarnya boleh sahaja majikan berkenaan tidak beroperasi selama setahun dan terus membayar gaji penuh kepada pekerja. Bagaimanapun ada sesetengah dalam kalangan majikan itu tiba-tiba menjadi miskin hingga terpaksa membuang pekerja.


Memang ada majikan yang benar-benar tidak mampu membayar gaji pekerja seperti sebelum wabak COVID-19. Kalau tidak distruktur semula termasuk mengecilkan jumlah pekerja memang tidak nampak jalan lain kecuali menutup operasi. Maka dalam keadaan mendesak, tindakan mengurangkan pekerja adalah jalan terakhir yang terpaksa dilakukan. Kita semua faham keadaan yang sedemikian.

Tetapi ada majikan yang berperangai kapitalis mengambil kesempatan daripada keadaan kelam kabut ekonomi itu. Selain mengurangkan pekerja dan memotong gaji, sindrom memaksa kerja di pelbagai bidang (*multitasking*) juga memberi bala kepada golongan pekerja.

Ini satu eksploitasi. Tujuannya menggunakan jumlah tenaga manusia untuk menjalankan beban kerja yang banyak. Hal itu mendatangkan kerugian kepada pekerja, selain tenaga mereka diperah, *multitasking* boleh menjadikan pekerja hilang kearifan pada bidang utamanya.

Maka dalam kita bergembira mendapat satu hari cuti umum, fikir-fikir jugalah tentang hak kita sebagai pekerja. Meningkatkan kesedaran tentang hak sebagai pekerja bukan mengambil hak majikan. Sebaliknya kalau seorang pekerja membiarkan haknya dinafikan, itu menjadi satu pembelotan kepada pekerja yang lain.

Daripada sudut pekerja pula, amanah adalah tiang serinya. Golongan pekerja dalam konteks semasa bukanlah buruh, tetapi termasuk dalam kalangan yang bertaraf pengurus besar, pengurus, ketua bahagian dan ketua unit. Bekerjalah setidak-tidaknya sama dengan imbuhan (gaji) dan kepercayaan (pangkat) yang diberikan oleh majikan.



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**  
Te: 03-8861 5260 | E-mail: [editorialwilayahku@gmail.com](mailto:editorialwilayahku@gmail.com)





Bil 260 . 3-9 MEI 2024

# Awrang itu Pilihan?

▶▶ 10-11

# Balasan menanti 'orang ketiga'

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

**H**IDUP di alam rumah tangga tidak selalunya indah kerana di situlah bermulanya kehidupan penyatuan dua hati yang berbeza menjadi satu.

Ikatan suci antara dua jiwa bukanlah sekadar cinta semata-mata bahkan perlu adanya rasa tanggungjawab kepada pasangan untuk bersama-sama menuju ke syurga.

Namun di sepanjang jalan itu pasti penuh onak duri yang menerjah. Ujian hadir dalam pelbagai bentuk namun percayalah, Allah SWT menguji kerana Dia tahu kita mampu menghadapinya.

Antaranya hubungan yang dibina dengan rasa cinta itu boleh berantakan kerana hadirnya orang ketiga. Ketika ini kesetiaan diuji antara merelakan insan baru bertakhta di hati atau mempertahankan pasangan yang setia di sisi.

Sejak akhir-akhir ini, isu 'orang ketiga' semakin hangat diperkatakan lebih-lebih lagi apabila ramai yang lebih memilih media sosial sebagai tempat untuk mengadu.

Menurut Peguam Syarie, **Mohd Yazid Sa'at**, menggunakan kuasa viral mendedahkan kecurangan pasangan akibat onar orang ketiga bukanlah satu jalan penyelesaian yang baik.

"Media sosial bukanlah tempat yang terbaik untuk mendapatkan penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Sepatutnya pihak yang berada dalam kesusahan atau menginginkan penyelesaian, carilah badan yang berautoriti bagi memastikan isu atau masalah dapat ditangani sebaiknya.

"Isteri atau suami yang mempunyai bukti kukuh mengenai

kecurangan pasangan bersama orang ketiga boleh membuat aduan kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri," ujar beliau.

Tambahnya, individu yang menjadi perosak rumah tangga atau menjadi orang ketiga dalam perkahwinan orang lain boleh berdepan hukuman penjara dan denda di bawah undang-undang syariah.

"Mengganggu rumah tangga orang lain yang dilakukan dengan apa-apa cara dan mempengaruhi supaya mengabaikan tanggungjawab kepada rumah tangga sedia ada adalah kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

"Sekiranya mempunyai bukti kukuh dan mencukupi, perosak rumah tangga boleh didakwa di bawah peruntukan Akta Kesalahan Jenayah Syariah. Jika didapati bersalah, mereka boleh dikenakan hukuman penjara.

"Pelbagai kesalahan boleh dikenakan antaranya peruntukan di bawah Seksyen 36, iaitu memujuk lari perempuan bersuami, yang sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

"Seterusnya, Seksyen 37 Akta 559 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 kerana

menghalang pasangan sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri.

"Seksyen 38 pula, iaitu menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun undang-undang syariah berbeza setiap negeri dari segi nama dan nombor seksyen tetapi

dari segi kesalahan syariah dan hukumannya boleh dikatakan 90 peratus sama," ujar beliau.

Mohd Yazid berkata sekiranya seseorang itu menjadi mangsa dan ingin membuat aduan, mereka perlu lakukan beberapa langkah iaitu pertama membuat laporan polis di balai berdekatan; kedua membuat aduan di Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Negeri dan ketiga menyediakan sekurang-kurangnya



**SATU kajian mendapati lelaki dan wanita boleh mengesan jika lelaki lain curang, tetapi lelaki tidak boleh membuat penilaian terhadap wanita.**

seorang saksi atau bukti dokumentari untuk menyokong aduan itu.

"Langkah keempat adalah memberi penjelasan dan pencerahan secara menyeluruh mengenai bentuk gangguan, kesan dan akibatnya terhadap keruntuhan rumah tangga dan yang terakhir aduan dibuat mangsa akan disiasat Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dan jika ada bukti kes itu akan didakwa di mahkamah.

"Mangsa seharusnya membuat persiapan terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak ketiga. Sediakan bukti dan dokumen untuk menyokong tuduhan. Antara dokumen atau bukti diperlukan seperti tangkapan layar skrin mesej atau perbualan komunikasi antara pasangan dan pihak ketiga.

"Selain itu, diperlukan maklumat peribadi lengkap pihak ketiga, sebarang bukti dalam bentuk gambar atau video membuktikan gangguan orang ketiga termasuk dokumen relevan lain yang menyokong dakwaan kesalahan jenayah itu," ujarnya yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun dalam dunia perundangan.

## TUNTUT HAK

KEBANYAKAN isteri yang berdepan dengan masalah gangguan orang ketiga dalam perkahwinan tidak membawa isu ini ke muka pengadilan disebabkan kurang pasti bentuk tindakan undang-undang yang terpakai untuk kes ini.

"Antara tuntutan yang boleh dilakukan oleh seorang isteri sekiranya didapati suami telah berlaku curang ialah isteri boleh memfailkan tuntutan perceraian di mahkamah yang berbidang kuasa dan melaporkan kepada Pejabat Agama mengenai gangguan pihak

ketiga dalam rumah tangga beliau.

"Seterusnya, boleh membuat permohonan untuk mendapatkan perintah daripada mahkamah supaya pihak-pihak hidup bersama semula berdasarkan seksyen 120 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

"Bagi pihak suami pula, sekiranya didapati isteri telah berlaku curang dalam tempoh perkahwinan atau masih dalam tempoh iddah, suami tersebut boleh memfailkan tuntutan sabitan nusyuz terhadap isteri atau memfailkan tuntutan kembali taat di Mahkamah dan melaporkan kepada Pejabat Agama Islam tentang gangguan orang ketiga dalam rumah tangga," ujar beliau.

Dalam masa sama, Mohd Yazid berkata antara langkah yang boleh dibuat sekiranya terbukti pasangan berlaku curang adalah mendapatkan hak selepas dicerai.


"Jika suami yang berlaku curang, isteri boleh mendapat mut'ah, nafkah iddah dan nafkah tertunggak. Isteri juga boleh memohon perceraian melalui fasakh kerana

suami berlaku curang dan tidak menjalankan tanggungjawabnya.

"Isteri yang berlaku curang, suami boleh memfailkan kes nusyuz di Mahkamah Syariah supaya tidak layak menerima nafkah sebagai isteri," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Firma Guaman Tetuan Yazid Saat & Associates itu turut menyeru umat Islam terutama suami dan isteri untuk bersama-sama berganding bahu bagi melaksanakan kewajipan masing-masing serta saling memperkukuh institusi keluarga.

"Masing-masing mempunyai kewajipan tersendiri untuk membangunkan keluarga demi anak dan generasi Al-Falah. Semua pihak juga dipohon saling meningkatkan akhlak dalam pergaulan seharian agar sentiasa sejajar dengan pedoman ajaran agama Islam.

"Agensi hal ehwal agama bersama pertubuhan Islam dan pengurusan masjid adalah diseru untuk memperhebatkan program pendidikan kepada masyarakat bagi menghayati kepentingan keutuhan sesebuah keluarga demi kehidupan yang sejahtera," ujar beliau. 





GAMBAR hiasan.

## Kaji semula kandungan kursus praperkahwinan

**K**EBIASAANNYA kes curang yang berlaku dalam sesebuah perkahwinan akan diakhiri dengan penceraihan kerana kebanyakan individu tidak mampu membina semula rasa percaya setelah ditipu oleh pasangan yang sangat dicintai.

Menurut Pakar Psikologi, **Profesor Dr Mariani Md Nor** peningkatan trend perceraian saban tahun dilihat semakin membimbangkan.

“Saya rasa di sini terdapat keperluan di mana kita perlu mengkaji semula apakah objektif sebenar kursus praperkahwinan itu. Daripada kes curang yang berlaku ini, kebanyakan mereka telah menghadiri kursus praperkahwinan, di sini jelas menunjukkan keberkesanannya kurang menyerlah.

“Model kursus adalah sama, jadi pastinya proses memahami dan mengingat isi kandungan tidak dapat dihayati dengan baik dan tidak dapat diamalkan kerana kurangnya penghayatan semasa menghadiri kursus tersebut.

“Saya percaya isi kandungan perlu lebih agresif dalam usaha memastikan hubungan suami isteri bukan setakat baik di malam pertama malah sehingga ke akhir hayat seseorang itu,” jelasnya.

Tambah beliau walau apa pun situasinya, kisah kecurangan pasangan bukanlah isu enteng.

“Tidak dinafikan terdapat pelbagai faktor utama yang mendorong untuk berlaku curang antaranya tiada hubungan baik antara pasangan di rumah

dalam aspek sosial, emosi dan seksual serta tidak mengamalkan komunikasi telus antara satu sama lain.

“Selain itu, keharmonian dan kemesraan yang semakin kurang dan dipenuhi kecukupan itu dari luar rumah sama ada bersama rakan tempat kerja ataupun individu lain yang dapat mencukupkan kekurangan itu.

“Yang terakhir adalah tidak mengamalkan komunikasi dua hala antara pasangan dalam rumah tangga dan lebih kepada perbualan atau komunikasi alam maya iaitu melalui gajet yang sedikit sebanyak mengurangkan keakraban antara satu

sama lain terutama dari aspek sentuhan fizikal dan sentuhan emosi,” ujarnya bagaimanapun ia bukanlah satu alasan kukuh untuk menipu pasangan.

Dalam pada itu, Mariani berkata curang memberi impak yang besar dalam keharmonian rumah tangga di mana kepercayaan yang dibina boleh hilang dalam sekelip mata.

“Mereka yang dicurangi akan mengalami trauma dengan perkara yang berlaku serta melalui stres berpanjangan jika tiada sokongan sosial dan moral yang akhirnya boleh membawa kemurungan.

“Stres yang berlaku boleh mengganggu produktiviti tempat kerja dan juga di rumah serta boleh membawa kepada implikasi lain iaitu terjejasnya hubungan suami isteri dan anak-anak. Jika melibatkan aspek kecederaan fizikal selain mental seseorang itu, ia akan menjejaskan keyakinan diri pada

sesetengah individu yang akhirnya membawa kepada estim sendiri yang rendah,” jelasnya berbanding lelaki, wanita selalunya menjadi mangsa dalam kes sebegini.

Mengulas lanjut, Mariani berkata individu yang berlaku curang bukanlah kerana mengalami masalah mental tetapi jika dari pandangan Maslow Teori kemanusiaan, curang bermula daripada kekurangan yang banyak berlaku dari aspek kekurangan kasih sayang, pengiktirafan dan hubungan antara satu sama lain.

Mengambil contoh isu yang tular baru-baru ini berkenaan seorang selebriti yang dikatakan berlaku curang sebanyak 11 kali, Mariani tegaskan bahawa curang bukanlah satu ketagihan.

“Kes tersebut memang kategori curang bagaimana pun jika kekerapan berlaku lebih dari sekali, ia dimasukkan di bawah kategori maniac iaitu lebih kepada hubungan seks rambang antara pelbagai individu dan bersandarkan hubungan kekal dari isterinya. Ketagihannya adalah lebih kepada menjalin hubungan dengan wanita yang berbeza-beza,” katanya.

Walau bagaimanapun, Mariani berkata mangsa perlu diberi sokongan moral dan kata-kata positif baik tentang pasangan tersebut mahupun tentang perkara yang telah berlaku.

“Ingatkan dan tunjukkan contoh-contoh di mana seseorang itu boleh bangkit daripada kesakitan kerana tiada perkara yang tidak boleh diselesaikan. Usaha, tawakal dan sokongan moral dari semua sudut amat penting buat mereka,” ujarnya.

## Bukan salah pekerjaan



**S**EJAK akhir-akhir ini dunia hiburan semakin ‘panas’ dengan kisah curang mengaitkan selebriti. Bezanya, isu tersebut dekat dengan masyarakat disebabkan liputan meluas dan tular dalam media sosial berbanding orang biasa.

Namun ramai yang menghukum selebriti dengan menganggap mereka lebih terdedah kepada perbuatan curang kerana terjerat dengan cinta lokasi.

Pengarah dan penerbit, **Shuhaimi Lua Abdullah** berkata perkara tersebut boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira pekerjaan atau latar belakang mereka.

“Kalau ada yang kaitkan kecurangan adalah disebabkan cinta lokasi atau terlalu lama habiskan masa bersama di lokasi penggambaran, saya rasa tidak.

“Hanya kerana beberapa artis buat macam tu, masyarakat nak pukul rata. Itu tak benar.

Saya dah bekerja dengan ramai pelakon lelaki yang sudah berkahwin. Mereka bercinta dengan pasangan hanya di lokasi penggambaran. Di luar lokasi mereka profesional dan berkawan. Malah pasangan atau keluarga masing-masing tahu kedudukan sebenar,” katanya.

Pemilik Tanah Beris Film Production ini juga memberitahu, curang atau tidak bergantung kepada niat seseorang dalam pekerjaan yang diusahakan.

“Selain soal hati dan perasaan, apa yang menyebabkan seseorang itu curang adalah sikap atau perangai individu itu sendiri.

“Ia berkait rapat dengan niat. Kalau untuk mencari rezeki dan tanggungjawab demi isteri dan anak-anak, saya tak rasa seseorang itu akan curang.

“Saya dah mengarah dan

menerbitkan banyak drama, tiada istilah perlu berlaku curang untuk dapatkan keserasian dalam lakonan. Itu alasan semata-mata mengikut nafsu.

“Kesimpulannya, jangan salahkan pekerjaan, lokasi atau situasi, salahkan nafsu dan sikap individu itu apabila berlaku curang,” ujarnya.



SHUHAIMI LUA

Shuhaimi Lua turut berpendapat, sesiapa sahaja berpotensi untuk menjadi curang sekiranya perbuatan itu dinormalisasikan atau dipopularkan.

“Apabila isu curang menjadi normalisasi dalam masyarakat, ia sudah tentu sedikit sebanyak boleh

mendorong masyarakat untuk curang.

“Bagi saya, kita perlu tahu kisah-kisah kecurangan ini untuk menjadi pengajaran. Namun, ia dibimbangi menjadi sebaliknya apabila isu-isu sebegini terlalu diberi ruang yang meluas.

Di media sosial, ramai netizen yang meminta pihak produksi memboikot selebriti yang terlibat dengan isu curang namun beliau menganggap rezeki seseorang ditentukan Allah SWT.

“Pasal boikot tu, semua itu bergantung kepada stesen televisyen. Setakat ini tidak ada pula mereka mengarahkan tidak boleh ambil pelakon-pelakon tertentu.

“Ini juga soal rezeki. Takkan nak halang atau tutup periuk nasi seseorang artis. Kalau boikot, macam mana dia nak cari rezeki. Bagaimana pula dengan anak-anak mereka?”

“Apa yang penting, niat kena betul. Bukan sahaja dalam lakonan, dalam apa jua hal yang kita lakukan. Niat kena betul. Niat yang baik itulah membuatkan kita kekal dalam sesuatu bidang pekerjaan,” tambahnya.

# Gamit memori 100 tahun stesen kereta api KL

SHUAIB AYOB

**S**TESEN Keretapi Tanah Melayu merupakan salah sebuah bangunan bersejarah di Kuala Lumpur. Didirikan pada tahun 1910, ia memiliki ciri-ciri seni bina Mughal yang hasil cetusan idea Arthur Benison Hubback.


Perkhidmatan kereta api komputer mula diperkenalkan di stesen ini pada tahun 1995 dengan dua laluan utama iaitu Laluan Rawang – Seremban dan juga Laluan Sentul – Pelabuhan Klang.

Di sebalik usia yang telah menjangkau lebih 100 tahun, stesen ini terus dinaik taraf bagi membolehkan ia terus memberikan khidmat kepada para pengguna pengangkutan kereta api.

Bangunan ikonik ini masih lagi menjadi kunjungan orang ramai dan pelancong bukan sahaja kerana fungsinya malah kerana keunikannya. Selain itu, ia merupakan antara lokasi bergambar popular di sekitar Kuala Lumpur. 📷



STESEN KTM Kuala Lumpur bangunan bersejarah dengan seni bina unik yang menggabungkan reka bentuk timur dan barat.



Giat laksana aktiviti sokongan kokurikulum

# KPM pupuk budaya membaca generasi muda

DIANA AMIR

**K**ERAJAAN terus komited membudayakan amalan membaca terutama dalam kalangan golongan muda antaranya pelajar sekolah rendah dan menengah.

Menurut Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, **Azman Adnan** bagi merealisasikannya, murid-murid sekolah ini perlu digalakkan untuk menceburi bidang penulisan.

“Selain memupuk budaya membaca, kita juga perlu menyemai elemen kreativiti dalam diri murid-murid ini untuk menghasilkan bahan bacaan sendiri.

“Untuk itu, kita mengadakan aktiviti sokongan kokurikulum dengan melaksanakan bengkel dari semasa ke semasa mengikut kelompok murid tertentu termasuk sekolah rendah dan menengah supaya mereka boleh hasilkan karya-karya pendek.

“Kalau kita lihat di pasaran kini banyak buku yang dihasilkan oleh golongan cilik jadi di sini perlunya ia dipupuk dari awal agar kecintaan dan minat untuk hasilkan bahan bacaan itu ada seterusnya membantu menghasilkan lebih banyak bahan bacaan pada masa akan datang,” katanya kepada media selepas Majlis Pra Pelancaran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 bertempat di Tamarind Square, Cyberjaya baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyokong penuh pengajuran PBAKL 2024 sebagai salah satu aktiviti yang boleh memperkukuhkan budaya membaca dalam kalangan anak-anak.

“Saya ada menyebut bahawa kita mempunyai kira-kira lima juta anak-anak di 10,232 buah sekolah dari Perlis hingga ke Sabah di mana inilah generasi muda yang kita harapkan untuk meneruskan legasi

kesejahteraan, kemakmuran dan juga negara kita yang berkualiti.

“Antara perkara yang kita laksanakan bagi menyokong program ini adalah dengan memberikan seluas-luas peluang kepada anak-anak di seluruh negara menghadiri pesta buku ini.

“Sejak tahun 2023 kita telah mengeluarkan surat berkaitan dengan lawatan oleh murid-murid sekolah jadi dengan itu kita mengharapkan lebih ramai pelajar sekolah berpeluang membuat lawatan seterusnya menghadiri PBAKL 2024.

“Pada masa sama saya lihat banyak juga pesta buku peringkat negeri dianjurkan di mana pengunjungnya bukan sahaja dalam kalangan pelajar sekolah malah semua peringkat umur juga hadir memberikan sokongan dan membeli buku. Ini salah satu cara untuk kita galakkan anak-anak dekat dengan buku,” ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata KPM sentiasa mengadakan program-program berkaitan dalam menyemai minat membaca dalam kalangan kanak-kanak seperti Kempen Budaya Membaca, Gerakan Budaya dan banyak lagi yang dilaksanakan di semua sekolah.

“Malah konsep pusat sumber sekolah itu juga kita luaskan bukan sahaja perpustakaan yang di dalamnya hanya ada buku tetapi semua sumber pendidikan yang terdapat di ekosistem sekolah adalah termasuk dalam konteks pusat sumber sekolah.

“Apa sahaja perkara yang boleh membawa kepada manfaat ilmu, kemahiran dan nilai kepada anak-anak kita melalui proses pembacaan



**AZMAN (tengah) menyampaikan cenderahati kepada salah seorang rakan strategik PBAKL 2024.**



sama ada buku mawjud atau bentuk digital itu sangat kita galakkan,” katanya.

## PELANTAR DELIMA

MENELUSURI zaman, Azman berkata kini kebanyakan buku fizikal tidak lagi digunakan kerana kebanyakan mereka menjadikan bahan bacaan secara digital sebagai rujukan utama.

“Sekarang ini apabila kita telah melancarkan dasar pendidikan digital maka diharapkan ia selari dengan matlamat kita untuk budayakan membaca ini bukan setakat buku fizikal tetapi juga buku digital.

“Justeru itu, KPM mewujudkan pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia

(DELIMA) yang mempunyai banyak bahan ilmu sama ada dalam bentuk buku yang dibuat secara digital tetapi juga video dan audio.


“Malah pelantar tersebut juga kita pautkan dengan perpustakaan negara yang membolehkan anak-anak kita melaksanakan aktiviti pembacaan, pinjaman dan sebagainya secara digital. Ini adalah perkembangan baru dalam dunia hari ini dengan memanfaatkan teknologi digital untuk kita integrasikan dalam konteks memupuk budaya membaca dalam kalangan anak-anak kita.

“Selain itu, kita komited untuk pastikan bahawa lebih ramai lagi kumpulan pembaca baharu dalam kalangan anak-anak didik kita yang lima juta itu termasuk remaja dan masyarakat sudah pastinya jumlah individu yang membaca akan semakin bertambah ramai, akhirnya membentuk budaya membaca dalam masyarakat kini,” ujar beliau.

Azman berkata selain buku, KPM juga menggalakkan murid-murid untuk meluaskan pengetahuan mereka dengan bahan bacaan seperti surat khabar.

“KPM mengambil langkah untuk menggalakkan lebih banyak sekolah melanggan akhbar kerana itulah hasrat yang terkandung dalam matlamat kita dalam memartabatkan bahasa Melayu dan perkukuh bahasa Inggeris. Pembelian surat khabar juga dapat memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk mengakses serta membaca bahan pembelajaran tersebut,” jelasnya ia telah dilaksanakan sejak pembukaan akademik 2024/2025 dan penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa.

“Pada masa sama, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga ada menerbitkan majalah Dewan Siswa, majalah Dewan Masyarakat dan banyak lagi dalam membantu perkukuhkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

“Konsep majalah dalam kelas telah diperkenalkan semula oleh DBP untuk menjadi sokong bantu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), bukan sebagai bahan bacaan sahaja tetapi membantu untuk meningkatkan kualiti pembelajaran,” katanya. 

# ISU

# BESAR

*Bekal Tiba.....*

Pacu misi strategik 3K

# KESUMA angkat martabat 16.51 juta pekerja

AZLAN ZAMBRY

**K**EMENTERIAN Sumber Manusia (KESUMA) menggariskan kerangka 3K iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan Pekerja dalam mengangkat darjat dan martabat golongan pekerja yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

Menterinya, Steven Sim Chee Keong berkata kerangka itu amat mustahak bagi mengiringi usaha Perdana Menteri dalam merencanakan ekonomi negara dan kesannya negara merekodkan jumlah bekerja yang tertinggi dalam sejarah seramai 16.51 juta orang pekerja.

“Dalam usaha Reformasi 100 Hari, KESUMA telah melaksanakan 80 pembaharuan yang boleh dirangkulkan dalam empat tema utama iaitu; gaji pekerja yang lebih wajar, kemahiran pekerja yang lebih tinggi, perlindungan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh dan tatakelola yang lebih baik.

“Tahun ini kita akan menyemak semula kadar gaji minimum. Kajian 10 tahun menunjukkan gaji minimum mempunyai kesan positif ke atas mereka yang berpendapatan rendah, dengan peningkatan upah bulanan individu hampir 60 peratus dari 2010-2019,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Sambutan Hari Pekerja 2024 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Rabu.

Beliau juga menyedari bahawa gaji minimum sahaja tidak memadai, terutamanya mereka yang berpendapatan sederhana ataupun *middle-income*.

“Justeru antara prakarsa (ikhtiar) kerajaan untuk menambah baik keadaan upah pekerja Malaysia ialah dengan memperkenalkan dasar gaji progresif bagi memacu pampasan upah yang lebih baik.

“Projek rintis dasar gaji progresif yang dilaksanakan bersama Kementerian Ekonomi dijangka akan bermula pada bulan Jun nanti dengan sasaran 1,000 syarikat.

“Kerajaan MADANI telah memperuntukkan RM50 juta untuk projek rintis ini. Dijangka 1.05 juta pekerja Malaysia akan mendapat manfaat melalui pelaksanaan projek rintis dasar gaji progresif pada tahun ini,” katanya.

## SEDIA KEMAHIRAN

PIHAK KESUMA menyedari bahawa pampasan upah yang lebih baik berkait rapat dengan keberhasilan yang lebih tinggi boleh dicapai dengan kemahiran yang lebih tinggi dan pihaknya



**PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (lima dari kiri) melancarkan Rangka Kerja Dasar Sumber Manusia Negara 2024-2030 yang akan menjadi panduan lengkap kepada Kementerian Sumber Manusia menjelang Rancangan Malaysia (RMK) -13.**

akan sedaya upaya memastikan dan menyediakan pelaksanaan latihan kemahiran bernilai tinggi kepada rakyat Malaysia.

“KESUMA akan memperuntukkan RM2.56 bilion bagi menyediakan pelbagai latihan kemahiran untuk rakyat Malaysia termasuk bidang-bidang kemahiran terkini seperti kecerdasan buatan (AI), robotik, teknologi 5G, pengkodan komputer, kemahiran dalam ekonomi hijau *green skills* dan sebagainya.

“Selain itu, KESUMA turut menyediakan kursus jangka pendek beberapa hari, kursus jangka panjang beberapa tahun dan kursus Sijil Kemahiran Malaysia, kursus sijil mikro dan modular; kursus bersemerka, kursus *on-the-job training* di industri dan juga kursus atas talian.

“Terdapat juga kursus berbayar dengan harga mampu milik, malah beliau turut berjanji ada kursus boleh dibiayai dengan levi HRD Corp; dengan pinjaman PTPK, geran KESUMA serta kursus percuma.

“KESUMA juga akan memastikan setiap rakyat Malaysia tidak kira kaum, agama, jantina, usia, kelulusan akademik dan kedudukan wilayah mempunyai peluang untuk meningkatkan kemahiran melalui *upskilling*, *reskilling* dan *cross-skilling* dengan syarat mestilah mempunyai kemahuan untuk meningkatkan kemahiran diri dan Kerajaan MADANI akan membuka peluang seluas-luasnya,” ujar beliau.

Menurut Steven Sim, KESUMA juga sedang dalam usaha memperkasakan perlindungan keselamatan sosial kepada

pekerja dan rakyat Malaysia, menerusi beberapa pindaan serta pembaharuan telah dilaksanakan. Kini perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Akta 4 meliputi 10 juta pencarum, manakala Skim Insurans Pekerjaan meliputi lebih kurang tujuh juta pencarum.

“Kerajaan MADANI juga telah memperuntukkan RM100 juta bagi memberi subsidi untuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan RM50 juta bagi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang akan memperluaskan perlindungan keselamatan sosial PERKESO kepada lebih ramai rakyat Malaysia.

“Untuk tahun 2024, sasaran PERKESO ialah untuk memberi perlindungan kepada 1 juta pencarum di bawah SKSPS dan 500,000 suri rumah di bawah SKSSR,” ujarnya.

Beliau turut berterima kasih kepada Kementerian Pengangkutan yang telah membiayai subsidi 10 peratus dalam memberikan perlindungan SKSPS secara percuma kepada 50,000 pemandu teksi dan bas sekolah seluruh negara manakala Kementerian Komunikasi turut membiayai subsidi 10 peratus untuk memberikan skim yang sama secara percuma kepada 5,000 penggiat seni tanah air.

“Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah bekerjasama dengan KESUMA untuk memberikan potongan cukai kepada pihak yang menaja kepada golongan B40. Hasilnya pada bulan Mac 2024, 10 syarikat korporat pertama telah

menaja SKSSR lebih RM558 ribu untuk memberikan skim secara percuma kepada hampir 5,000 orang wanita daripada golongan B40.

“Banyak lagi pembaharuan yang telah dilaksanakan dalam tempoh empat bulan yang lalu di KESUMA, tidak mungkin saya dapat senaraikan kesemuanya di sini. Namun, tekad kami di KESUMA amat jelas iaitu memacu misi strategik 3K - kebajikan, kemahiran dan keberhasilan pekerja agar dapat mengangkat martabat kaum pekerja di Malaysia,” ujar Steven Sim.

## RANGKUM ISU PENTING

BAGI memuktubkan rancangan untuk menggapai misi strategik 3K itu, maka KESUMA dengan bangganya memperkenalkan Kerangka Dasar Sumber Manusia Kebangsaan yang julung buat Malaysia. Kerangka Dasar yang dilancarkan oleh Perdana Menteri mengandungi tiga Teras, 11 Strategi, 48 Prakarsa, lima Pemacu Perubahan dan dua Pemangkin Dasar.

Dokumen tersebut dihasilkan selepas mengambil kira maklum balas pemegang taruh dan orang ramai melalui sesi libat urus, kumpulan tumpu bincang, *town hall* dan portal kaji selidik atas talian. Lebih 2,000 maklum balas telah diterima dan dijadikan pertimbangan untuk menghasilkan Kerangka Dasar Sumber Manusia Kebangsaan itu.

Kerangka Dasar tersebut merangkumi isu-isu penting berkaitan pekerja seperti pampasan upah yang lebih lumayan,

kesejahteraan pekerjaan, gerakan kesatuan sekerja, perlindungan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh, tenaga kerja golongan rentan seperti wanita, warga emas, dan orang kurang upaya (OKU), hal ehwal pekerja sektor gig, isu-isu berkaitan latihan kemahiran, ketidakpadanan pekerjaan, tenaga kerja asing, kesan teknologi seperti AI ke atas pasaran kerja dan sebagainya.

Kerangka ini seterusnya akan menjadi panduan untuk menghasilkan Dasar Sumber Manusia Kebangsaan yang lengkap menjelang Rancangan Malaysia Ke-13. KESUMA berharap akan menjadi antara kementerian pertama yang mempunyai dokumen dasar utama yang selaras dengan RMK-13 kelak.

**“Kerajaan MADANI juga telah memperuntukkan RM100 juta bagi memberi subsidi untuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan RM50 juta bagi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang akan memperluaskan perlindungan keselamatan sosial PERKESO kepada lebih ramai rakyat Malaysia.**

## Saudagar Kerepek Banting

# Teguh bersaing bina empayar mahsyur

HAZIRAH HALIM

**P**ENGHASILAN kerepek di negara ini merupakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang turut mewakili sebahagian besar perniagaan di Malaysia.

Sejak tahun 1980-an lagi, industri kerepek mula berkembang di beberapa lokasi di negara ini terutamanya di daerah Banting, Selangor. Malah, ia dikenali sebagai 'lubuk' penghasilan produk kudapan tersebut.

Seiring masa berlalu, usahawan kerepek tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan sekali gus mewujudkan persaingan dalam industri tersebut yang turut merancakkan lagi aktiviti ekonomi di kawasan itu.

Tidak mahu ketinggalan bersaing, Saudagar Kerepek Banting menggunakan kuasa media sosial sebagai strategi pemasaran untuk memperkenalkan dan mengembangkan produknya.

Pemiliknya, **Muhammad Farhan Mohd Rani**, 29, berkata bukan mudah untuk menembusi pasaran kerepek memandangkan persaingan dimonopoli oleh usahawan sedia ada yang telah pun membina empayar sejak empat dekad lalu.

"Media sosial seperti *TikTok*, *Facebook* dan *Instagram* merupakan platform yang mempunyai pengaruh sangat kuat di samping medium terbaik untuk menjual produk.

"Saya menggunakan medium tersebut dengan membuat jualan secara penstriman langsung kerana ia merupakan salah satu cara hebat bagi mempertingkatkan penjenamaan juga," ujarnya.

Namun Muhammad Farhan turut mengakui tidak mudah baginya untuk bertapak sejak mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan membuka premis jualan pada tahun 2019.

"Saya pernah kehilangan ramai agen disebabkan ketiadaan stok bahan mentah. Walau bagaimanapun, saya mengambil itu sebagai satu suntikan semangat untuk kembali bangkit.


"Mental kena kuat kerana pelbagai cabaran mendatang tidak kira kecil mahupun besar. Misalnya kita juga pernah berdepan situasi kerepek yang dipos hancur tetapi kita pulangkan semula duit atau gantikan pelanggan dengan kerepek baharu," ujarnya.

Bekas penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

ini bersyukur Saudagar Kerepek Banting kini semakin dikenali ramai dan menerima tempahan yang menggalakkan.

"Alhamdulillah pada tahun 2023 sahaja, jualan keseluruhan mencecah RM1.5 juta manakala RM2 juta di awal tahun ini. Mempertaruhkan tiga produk utama iaitu kerepek ubi, kerepek pisang dan kerepek bawang, kapasiti pengeluaran kerepek juga mampu mencecah lima hingga 20 tan sebulan.

"Kita juga turut dipilih untuk berkolaborasi dengan pengeluar produk kek popular sempena edisi khas mereka pada tahun 2021. Ini juga memperkukuhkan lagi jenama kami di pasaran," ujarnya.

Dalam pada itu, Farhan berharap agar produk legasi turun-temurun daripada keluarganya ini akan dapat menembusi pasaran luar negara selain muncul sebagai salah satu produk terkemuka dalam industri makanan. 



**MUHAMMAD FARHAN** mahu bawa legasi kerepek warisan keluarga ke pasaran luar negara.

## Rumpai terkecil di dunia jadi permintaan ramai

**S**IAPA sangka, bermula dengan membeli tumbuhan akuatik Azolla untuk memberi ikan peliharaan makan, seorang suri rumah menemui benih Wolffia, iaitu sejenis rumpai terkecil di dunia yang kini diusahakannya bagi menjana pendapatan tambahan keluarga.

**Cik Diani Iqlema Mohd Radzi**, 34, berkata jika dilihat dengan mata kasar, rumpai Wolffia tidak mempunyai akar dan tidak berdaun dengan ukuran yang sangat kecil berdiameter 0.01 milimeter sahaja dan bentuknya pula seakan-akan bintik tepung jagung yang mengambang di atas permukaan air. "Rumpai Wolffia dahulunya tiada harga namun kini mampu mencecah sehingga RM240 (S\$78) sekilogram dan RM12 (S\$3.90) bagi 50 gram.

"Berat benih induk rumpai Wolffia yang ditemui bersama Azolla itu cuma sekitar 100 gram sahaja, jadi saya terfikir untuk membiakkannya setelah mengetahui rumpai ini

sangat jarang ditemui dan ia mempunyai nilai pasaran yang agak tinggi," katanya.

Cik Diani Iqlema berkata dia memulakan pertanian rumpai Wolffia yang pertama di Perlis itu dengan membiakkannya di dalam sebuah kolam takungan fiber bersaiz sederhana yang direka suaminya.

Kini dia sudah pun memiliki sembilan buah tangki fiber rumpai Wolffia, yang dibiakkan di dua tempat berasingan selain di halaman rumahnya.

Bermodalkan kurang daripada RM300 (S\$98), dia kini mampu menjana pendapatan kira-kira RM2,000 (S\$654) sebulan dengan memasarkan rumpai berkenaan bergantung kepada permintaan.

Menurut ibu kepada dua orang cahaya mata itu, selain menerima pelanggan setempat, dia turut menjual secara dalam talian iaitu menerusi platform e-dagang.

Katanya, dia tidak menyangka tumbuhan itu mendapat



**BENTUK** rumpai Wolffia seakan-akan bintik tepung jagung.

permintaan yang tinggi bagi penggemar ikan hiasan seperti ikan laga dan ikan gupi yang menjadi trend ketika ini, sehingga tidak dapat menampung permintaan dan

perlu mengambil prapesanan.

"Ramai pelanggan dalam talian khususnya yang memilih Wolffia sebagai makanan semula jadi ikan kerana menurut mereka Wolffia

**DIANI IQLEMA (kiri)** menunjukkan rumpai Wolffia sejenis tumbuhan terkecil dunia.



mempunyai kadar protein yang sesuai untuk anak-anak ikan membesar dengan cepat selain sifatnya yang tidak mengeruhkan air," katanya. - **BERNAMA**

[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!







**PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkunjung ke Istana Yamamah di Riyadh untuk bertemu Putera Mahkota dan Perdana Menteri Arab Saudi, Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud.**



**TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof ketika merasmikan Majlis Sistem Penjanaan Solar di Hospital Prince Court dengan kapasiti 420kW atas jemputan Kumpulan IHH Healthcare Malaysia.**



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa melancarkan Labuan International Sea Challenge (LISC) 2024 anjuran Perbadanan Labuan dan Minggu Perpaduan Peringkat Labuan anjuran Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional.**



**MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil memenuhi jemputan rumah terbuka Persatuan Minangkabau Lembah Pantai, Roy's Barbershop dan juga KRT Jalan Riong.**



**PENGERUSI Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki Aksan pada Majlis Pra Pelancaran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024 yang ke-41 dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri, di Cyberjaya, Isnin lalu.**



**MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek ketika mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru, Klang.**

UMK galak usahawan jana pendapatan

# 15 kios tambahan pada pertengahan tahun

HAZIRAH HALIM

**Y**AYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) melalui inisiatif Program Pembangunan Usahawan Muda Kota (UMK) merancang untuk membuka sebanyak 15 kios jualan baharu menjelang pertengahan tahun ini.

Pengurus Seksyen Usahawan Mikro Kredit, Jabatan Pembangunan Perniagaan Kumpulan YWP, **Ahmad Hethir Hashim** berkata pertambahan kios itu merupakan langkah untuk memperkasakan pembangunan usahawan di samping meningkatkan nilai jualan dan pemasaran.

"15 kios ini telah pun tersedia di kawasan Taman Melati di mana penyediaan kios tersebut dibantu oleh seorang pengurus atau ketua yang akan mengawal dari segi kadar sewa, strategi pemasaran dan sebagainya.

"Dari segi pemantauan pula, YWP menggunakan dua konsep berbeza iaitu pemantauan secara terus oleh YWP atau pemantauan

melalui ketua yang dilantik (*anchor tenant*).

"Kalau kita berikan kepada ketua yang dilantik, caranya lebih mudah kerana kita pantau seorang sahaja untuk 15 kios tersebut tetapi di Jalan Alor, kesemua lima kios yang ada dipantau oleh YWP," katanya.

Walau bagaimanapun, Ahmad Hethir berkata pihaknya kini sedang bergiat untuk membantu meningkatkan strategi pemasaran bagi memperluaskan hasil jualan usahawan yang berada di Jalan Alor, Bukit Bintang.

"Lima kios di Jalan Alor dibuka untuk YWP melihat tahap keberkesanan sama ada pelaksanaan tersebut berjaya dan boleh dilakukan di tempat-tempat lain atau tidak.

"Bukan mudah untuk memecahkan tradisi di kawasan berkenaan tambah pula dengan banyak kedai-kedai hipster atau kafe di situ serta kekurangan fasiliti dari segi tandas mahupun tong sampah.



AHMAD HETHIR



SEBAHAGIAN 15 kios yang telah disediakan di Taman Melati.

"Saya sedar, faktor lokasi dan persekitaran memainkan peranan penting buat peniaga. Justeru itu, YWP akan sentiasa memantau kawasan tersebut secara berkala dan sedang berbincang dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memenuhi ruang

tersebut dengan usahawan lain bagi memeriahkan kawasan berkenaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Hethir menyeru kepada semua peniaga di ibu kota untuk mengambil peluang menyertai Program UMK yang disediakan YWP di beberapa

lokasi.

Terdahulu, Program UMK merupakan usaha yang dirancang oleh YWP sejak tahun 2020 bersama DBKL, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Perbadanan Putrajaya (PPj) serta pihak berkaitan. 📌

## Perkasa industri seni visual

**LEMBAGA** Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) mengorak langkah menjalin kerjasama membangunkan industri seni visual negara.

Untuk itu, satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditandatangani bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Balai Seni Negara dalam satu kenyataan berkata kerjasama yang terjalin secara tidak langsung dapat membuka ruang untuk meneroka pelbagai informasi baharu mengenai seni menerusi penganjuran pelbagai program seni, simposium, konferensi, kursus pendek serta perbincangan penyelidikan berkaitan seni.

"UPSI sentiasa komited dalam sebarang bentuk usahasama dengan agensi luar bagi memperkasakan kepelbagaian bidang kebudayaan selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi," kata kenyataan itu.

Tambahnya, pihaknya berharap agar pemeteraian MoU ini mampu memberi impak yang tinggi terhadap kedua-dua pihak.

"Balai Seni Negara selaku peneraju seni visual tempatan sentiasa cakna dan proaktif dalam meningkatkan usaha untuk merangka inisiatif yang

lebih besar bagi meningkatkan perkembangan ekosistem seni visual tanah air.

"Untuk maklumat lanjut mengenai program dan aktiviti anjuran Balai Seni Negara, boleh layari media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)," ujarnya.

Terdahulu, satu MoU telah ditandatangani di antara LPSVN dan UPSI bertempat di Kampus

Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI serentak dengan pelaksanaan Program Lestari Art 1.0 2024 anjuran Fakulti Seni Kelestarian dan Industri Kreatif, UPSI.

Hadir sama Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff; Ketua Pengarah LPSVN, Amerrudin Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LPSVN, Alizam Hasan dan Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman. 📌



MAJLIS MoU di antara LPSVN dan UPSI yang diadakan baru-baru ini.



MAHATHIR (duduk dua dari kanan) hadir meraikan Majlis Sambutan Aidilfitri.

## Sambutan rumah terbuka kukuh perpaduan

**KEMERIAHAN** penganjuran rumah terbuka Aidilfitri yang diraikan umat Islam termasuk masyarakat berbilang kaum dapat memupuk semangat perpaduan antara satu sama lain.

Setiausaha Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Bandar Tun Razak, **Mohammad Mahathir Mohamed** berkata penganjuran tersebut juga dapat mendidik jiwa masyarakat untuk menerima kepelbagaian budaya dan adat tradisi perayaan di negara ini.

"Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai budaya, bangsa dan agama terutama di Bandar Tun Razak yang mana kita dapat lihat Rumah Terbuka ini bukan hanya individu

beragama Islam bahkan turut disertai bangsa-bangsa lain juga.

"Paling utama adalah fokus kita iaitu hendak melihat masyarakat berbilang kaum di negara ini bersatu padu, aman dan harmoni," katanya ketika hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri MPPWP Zon dan Sub Bandar Tun Razak di Dewan Kompleks Sukan Desa Tasik Sungai Besi, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut hadir Setiausaha Politik kepada Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Rizalman Mokhrar; Ali Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Lr Hayatul Kamil Termudi dan Ketua Komuniti Madani Bandar Tun Razak, Hanif Lokhman. 📌

Elak jenayah siber dan kandungan jelik

# Fikir dahulu sebelum sebar

AZLAN ZAMBRY

**B**OLEH dikatakan penggunaan media sosial pada hari ini sudah pun mencapai tahap maksimum memandangkan setiap individu mempunyai lebih daripada satu akaun media sosial.

Teknologi terkini yang telah merevolusikan cara manusia berhubung, berkongsi maklumat dan berkenalan menggunakan media sosial seharusnya perlu didatangkan dengan tanggungjawab yang dapat menyumbang kepada keharmonian masyarakat dan negara.

Meskipun ia memudahkan jaringan perhubungan di antara wilayah, bandar dan desa, terdapat ancaman-ancaman tertentu yang menyebabkan media sosial ini menjadi platform menyebarkan dakyah-dakyah tertentu yang berkepuayaan merosakkan negara sekiranya tidak dibendung.

Sudah pasti ia mempunyai sisi gelap jika sekiranya tidak dikawal ia juga boleh memberikan kesan negatif yang ketara antara individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Jika dilihat daripada beberapa isu mutakhir ini, pihak berkuasa mengambil tindakan termasuk memanggil individu terlibat untuk merakam percakapan sehingga diheret ke mahkamah bagi berdepan pertuduhan yang menyentuh perihal 3R (agama, kaum, raja).

## MAHU JADI JAGUH SEBAR BERITA

PELAYAR media sosial juga didapati gemar berkongsi gambar atau video kepada kumpulan WhatsApp mengenai isu-isu yang menggemparkan negara seperti yang berlaku dalam insiden dua buah helikopter milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang terhempas semasa latihan di Lumut baru-baru ini.

Hal ini disebabkan mereka terlalu teruja dengan berita berkenaan dan mahu menjadi 'jaguh' dengan menyebarkannya untuk tontonan umum.

Sedar atau tidak, perbuatan menyebarkan berita yang mengancam, menyakitkan hati atau mengganggu orang lain adalah satu perbuatan yang dilarang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

Penyebaran maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan adalah masalah utama di media sosial. Ia terjadi ekoran daripada perkongsian artikel atau berita yang tidak disahkan dan yang menjurus kepada mempromosikan teori konspirasi.

Perkongsian dan penyebaran kandungan sedemikian boleh menimbulkan kekeliruan dan ketidakpercayaan khususnya kepada pihak berkuasa. Ia diburukkan lagi dengan sebilangan individu yang mudah mempercayai tanpa menyemak silang fakta khusus melibatkan topik sensitif yang

berlawanan daripada situasi dunia sebenar.

Dalam masa sama, pengguna media sosial juga berkeupayaan menjadi buli siber akibat perselisihan pendapat mengenai ideologi politik, perbezaan amalan ibadah dan pelbagai isu yang membelenggu masyarakat.

Sungguhpun hanya dihubungkan menerusi dalam talian, sesetengah pengguna terdorong untuk terlibat dalam tingkah laku yang penuh kebencian termasuklah mengeluarkan kata-kata kesat.

Serangan yang disasarkan itu berupa komen yang menghina serta penyebaran khabar angin yang berpotensi menimbulkan tekanan emosi serta membawa kepada kemurungan dan kebimbangan kepada mangsa.

Biarpun media sosial dijadikan sebagai platform untuk berkongsi sesuatu perkara atau aktiviti, namun jika individu itu terdorong untuk berkongsi kandungan peribadi yang berlebihan, ia bukan sahaja boleh mendedahkan mereka kepada kemungkinan pelanggaran privasi bahkan juga mengundang kesan negatif dalam tatapan profesional atau sosial.

Malah ia juga mendedahkan mereka kepada perlakuan jenayah dan berisiko terhadap keselamatan. Misalnya seorang usahawan di Kelantan yang mendedahkan gumpalan wang dan barangan emas perhiasan setiap kali melakukan penstriman langsung di media sosial menjadi mangsa jenayah dan dirompak selain dcederakan. Maka disebabkan perkara itu, wajar bagi orang ramai berhati-hati ketika menggunakan media sosial.

## KESAN HANTARAN JELIK

TIDAK dinafikan kesan media sosial ini mendatangkan keburukan jangka masa panjang sekiranya tidak ditangani dengan betul malah berisiko kepada masyarakat dan negara secara keseluruhan.

Menerusi penggunaan yang tidak teratur dan berlebihan, ia berisiko menghakik kepercayaan kerana percambahan maklumat yang salah dan kandungan yang melunturkan kepercayaan terhadap institusi, media, dan juga hubungan peribadi. Orang ramai sukar untuk membezakan fakta daripada fiksiyen sekali gus melahirkan sikap sinis terhadap sesuatu isu dan memisahkan antara kumpulan disebabkan kecelaruan ideologi yang ditanam.

Tidak dinafikan, algoritma media sosial cenderung untuk mencipta ruang gema, di mana pengguna terdedah kepada kandungan yang mengesahkan kepercayaan sedia ada mereka. Ia jelas telah memburukkan lagi perpecahan masyarakat dan menghalang dialog yang membina mengenai isu-isu penting untuk pembangunan negara. Kesan polarisasi ini semakin menebal dari sehari ke sehari dan ini membimbangkan.

Mangsa buli siber yang dizahirkan oleh ucapan kebencian dan gambaran kehidupan yang tidak realistik boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan mental. Ia secara tidak langsung membawa kepada kebimbangan, kemurungan dan perasaan terasing.

Amat menyedihkan, golongan muda di negara kita sudah terdedah kepada kesan ini malah pada tahun 2020, satu kes bunuh diri berlaku di Pulau Pinang melibatkan seorang gadis berusia 20 tahun bertindak luar dugaan dengan menggantung dirinya kerana tidak tahan dibuli dalam laman sosial.

Sebagai individu yang terdedah kepada kecanggihan teknologi dan percambahan aplikasi media sosial, orang ramai khususnya generasi muda harus meluangkan sedikit masa untuk memikirkan dengan lebih mendalam dan mempertimbangkan mengenai potensi kesan siaran atau hantaran anda di media sosial. Tanyalah diri sendiri sama ada ia wajar atau tidak selain adakah ia

merupakan hantaran yang positif dan membina negara?

Jika tidak, hentikan sahaja dan carilah perkara yang lebih bermanfaat supaya anda tidak menjadi individu yang menjadi penghantar kandungan jelik yang menyalahi undang-undang negara.

## BERADAB KETIKA GUNA MEDIA SOSIAL

Dalam menghadapi cabaran ketika melayari Internet dan media sosial, setiap individu perlu mengutamakan kepentingan adab, akhlak dan tanggungjawab dalam membentuk jati diri yang lebih matang dan peka terhadap sekeliling.


Bagi meningkatkan kredibiliti ketika menggunakan media sosial, setiap individu disarankan untuk menyemak fakta sebelum melakukan hantaran dan komen serta dinasihatkan supaya tidak berkongsi maklumat yang belum dapat disahkan bagi mengelakkan implikasi negatif. Gunakan sumber yang boleh dipercayai dan berhati-hati dengan tajuk berita sensasi kerana ia mendatangkan risiko malah boleh diheret ke mahkamah dan dihukum sekiranya terbukti hantaran dan komen yang dimuat anti itu berbaur fitnah dan hasutan.

Pelayar media sosial perlu mempunyai nilai empati yang tinggi kerana kita tidak tahu apa

yang telah dilalui oleh individu yang menjadi subjek terhadap kandungan berita tersebut. Oleh itu bertepatan dengan nilai berkenaan, kita wajar melayan orang lain dalam talian dengan rasa hormat yang sama seperti yang dilakukan secara peribadi.

Sebagai pengguna media sosial, setiap individu dinasihatkan agar mengutamakan kehidupan di sebalik skrin komputer mahupun telefon pintar anda. Jangan terperangkap dalam permainan perbandingan yang menjurus kepada gaya hidup, ideologi mahupun kecenderungan seseorang. Media sosial bukanlah kehidupan sebenar. Fokus kepada usaha memupuk hubungan dan pengalaman sebenar dalam dunia luar talian.

Media sosial boleh menjadi alat yang berkuasa untuk berkomunikasi dan merintis kepada perubahan positif. Dengan menggunakan pendekatan yang lebih bertanggungjawab untuk menyiarkan kandungan positif, kita semua boleh menyumbang kepada persekitaran dalam talian yang lebih sihat dan membina. Marilah kita beralih daripada mentaliti 'kuno' dan berusaha untuk mencipta ruang digital yang kaya dengan nilai positif dengan memupuk pemahaman, hormat-menghormati dan harmoni.





ZALIHA tengah menandatangani buku pelawat ketika singgah di ruai Persatuan Kadayan Labuan.

Semua pihak perlu seiring kerajaan

## Pacu sektor pelancongan

KHAIRUL IDIN

**S**EMUA pihak bukan sahaja kerajaan perlu berganding bahu memikul tanggungjawab untuk mengangkat serta membangunkan sektor pelancongan di Pulau Bebas Cukai itu.

Pegawai Kanan Tourism Malaysia Labuan, **Sharon Kenny** berkata pihaknya tidak menafikan penglibatan daripada pemain industri, masyarakat dan orang perseorangan dalam mempromosikan keunikan produk dan keistimewaan Labuan amat kurang memberangsangkan.

“Bagi pendapat saya, semua pihak samada pemain industri pelancongan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat tempatan harus memainkan peranan untuk bersama-sama mempromosikan keunikan dan kelebihan Labuan kepada pelancong luar.

“Setakat ini, kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai bantuan kepada pemain industri dalam bentuk inisiatif geran. Semua pemain industri harus merebut peluang dan memanfaatkannya agar ia dapat membantu mereka sekaligus meningkatkan sektor pelancongan

di sini,” katanya ketika dihubungi WilayahKu, baru-baru ini.

Sementara itu, Penolong Tadbir Tinggi, Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC) Labuan **Rosli Mat Jinin** berkata, Kerajaan telah melaksanakan beberapa usaha seperti mewujudkan tiga pasukan khas untuk memacu semula

ekonomi dan pelancongan di pulau ini.

Katanya, usaha itu perlu menjadi tanggungjawab kepada semua pihak dan tidak hanya diharapkan

usaha kerajaan semata-mata dalam usaha mempromosikan keunikan dan kepelbagaian produk pelancongan di sini.

“Bagi peringkat Perbadanan Labuan dan MOTAC, kita telah menjadikan strategi 5S iaitu *Sun, Sand, Seafood, Sport Tourist* serta Shopping sebagai hala tuju sekaligus menambah baik sektor pelancongan Labuan.

“Untuk menjayakan hala tuju ini, semua pihak perlu berganding bahu bersama-sama dalam melaksanakan tanggungjawab itu untuk menjadikan Labuan sebagai


destinasi pelancong yang dapat menarik pelancong dari dalam dan luar negara,” katanya.

Terdahulu, baru-baru ini Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustaffa menyeru semua pihak untuk memainkan peranan bersama-sama kerajaan untuk membangunkan dan tumpuan untuk mengangkat

potensi Labuan sebagai pusat pelancongan.

Beliau berkata Labuan merupakan sebuah pulau tropika yang sudah mempunyai kelebihan dan boleh dimartabatkan untuk meningkatkan sektor pelancongan dan usaha

untuk mempromosi keunikan produk dan keistimewahan Labuan itu perlu digerakkan secara holistik agar matlamat itu tercapai.

“Tambahan pula, pada tahun hadapan menyaksikan kepengerusian Malaysia dalam ASEAN 2025 dan pada tahun berikutnya pula adalah merupakan Tahun Melawat Malaysia. Kita perlu memastikan bahawa Labuan tidak terkecuali daripada menjadi tumpuan untuk kedua-dua acara penting negara ini,” katanya. 



ROSLI MAT JININ



SHARON KENNY



DUL ALIAS



ERMAWATY

## PUJI bina kehidupan golongan rentan

**USAHA** untuk menoktahkan kemiskinan tegar dan membantu golongan rentan memperoleh pendapatan menerusi Program Usaha Jaya Insan (PUJI) merupakan satu rahmat kepada peserta serta berfungsi sebagai motivasi kepada mereka.

Peniaga makanan **Dul Alias**, 65, menyifatkan inisiatif PUJI itu memberikan manfaat kepadanya untuk memperoleh bantuan daripada kerajaan untuk mengembangkan lagi perniagaannya.

“Saya amat bersyukur kerana diberikan bantuan ini yang mana membolehkan saya mengembangkan dan meningkatkan lagi hasil pendapatan perniagaan saya.

“Selain bantuan itu, pihak pengurusan PUJI turut memberikan motivasi, kursus kemahiran dan keusahawanan dalam penghasilan pelbagai produk dari hasil laut,” katanya kepada WilayahKu, baru-baru ini.

Beliau yang menerima bantuan peralatan dan kelengkapan perniagaan seperti peti sejuk menyifatkan inisiatif tersebut sangat baik untuk membantu golongan sepertinya memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

“Program ini perlu diperluaskan lagi kepada masyarakat agar bersama-sama mengambil peluang dan manfaat ini untuk memajukan serta meningkatkan hasil pendapatan. Ia juga secara tidak langsung dapat menoktahkan miskin tegar di negara ini khususnya di Labuan,” katanya.

Sementara itu, bagi peniaga produk makanan laut, **Ermawaty Abd Samad**, 44, mengakui inisiatif PUJI yang disertainya itu merupakan satu pembaharuan kepada kehidupannya kerana telah diberikan motivasi dan bimbingan untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan.

“Setelah mengikuti kursus selama dua minggu baru-baru ini, saya telah mempelajari pelbagai ilmu perniagaan. Hasil daripada itu saya telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan telah mendapat menjana pendapatan yang memberangsangkan.


“Dalam masa terdekat ini, saya akan membuka sebuah kedai bagi menjual produk-produk saya dan keluarga PUJI di Labuan. Ini adalah nilai yang diterapkan pada kursus baru-baru ini agar semua peserta saling membantu antara satu dengan yang lain,” katanya.

Terdahulu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa telah memaklumkan seramai 224 Ketua Isi Rumah (KIR) bersama dengan 63.46 peratus di pulau

ini berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan dicatatkan pada tahun ini berbanding 353 KIR pada Disember tahun lalu.

“Dengan adanya inisiatif ini kita dapat menyalurkan kepada mereka iaitu golongan miskin tegar dengan beberapa inisiatif PUJI dan bergantung kepada keperluan seperti jika mereka memerlukan bantuan maka kita akan arahkan kepada program Ihsan@PUJI.

“Jika golongan ini mempunyai potensi dan kebolehan kita boleh salurkan inisiatif dibawah Upaya@PUJI. Ini adalah antara usaha atau program yang kita akan perluaskan lagi agar dapat membantu mereka yang memerlukan bantuan ini dan pada akhirnya kita dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan,” katanya

Program tersebut yang merangkumi enam teras iaitu Ihsan@PUJI, Upaya@PUJI, Lindung@PUJI, Ilmu@PUJI, Sihat@PUJI dan Infra@PUJI. 

## Kampung Belukut diiktiraf Kampung Angkat Madani

**KAMPUNG** Belukut memahat sejarah tersendiri apabila terpilih sebagai ‘Kampung Angkat MADANI’ yang pertama di Labuan.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Parang Abai @ Thomas, kampung tersebut dipilih bagi memberi ruang untuk meningkatkan sosio ekonomi komuniti desa di kampung itu.



ASMADI

“Pengiktirafan ini turut memberikan beberapa inisiatif termasuklah akan mempertimbangkan cadangan pembangunan program sosio ekonomi yang diselenggarakan berasaskan inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI).

“Selain itu, beberapa penambahbaikan kemudahan di kampung Angkat Madani itu akan dilaksanakan dan kita akan membantu mereka dalam

mempertingkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur dikawasan Kampung Belukut,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Beliau berkata pihaknya akan memberikan perhatian khususnya dari aspek infrastruktur dan kemudahan awam untuk memudahkan urusan penduduk kampung.

“Antara yang kita beri perhatian adalah seperti kemudahan jalan kampung, lampu jalan, balai raya dan sebagainya. Selain itu, kita di JWP juga akan turut


membantu masyarakat di kampung ini dari segi sosio ekonomi dengan mengenal pasti mengikut kebolehan dan kemahiran mereka,” katanya.

Kampung Angkat MADANI merupakan program di bawah Dana Komuniti MADANI (DKM) bertujuan membantu komuniti desa memulakan projek ekonomi sendiri.

Bagi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Belukut, **Asmadi Ahmad** menzahirkan penghargaan kepada pihak Kerajaan atas pengiktirafan

itu yang sesuatu yang dinantikan oleh 27 kampung di sini.

“Saya mewakili penduduk kampung mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan iaitu JWP yang memberikan pengiktirafan kepada kampung kami.

“Dengan in juga, pelbagai isu yang kami suarakan sebelum ini dapat diberikan perhatian dan seterusnya isu kemudahan asas dapat ditambah baik termasuklah pembangunan program sosio ekonomi masyarakat di kampung ini,” katanya. 

Memastikan kawasan kejiranan selesa

# Precint Rangers bantu selesa isu komuniti

SABRINA SABRE

**M**ENGUTAMAKAN hak dan kepentingan warganya, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil tindakan proaktif mewujudkan ahli Precint Rangers berperanan memastikan kawasan kejiranan di Putrajaya sentiasa selamat dan selesa untuk didiami.

Sebagai warga Putrajaya yang prihatin terhadap isu dan permasalahan komuniti setempat, **Sururi Suhedak** menyambut baik usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam menubuhkan pasukan Precint Rangers yang terdiri daripada kakitangan PPj sendiri.

“Saya sendiri telah mengemukakan sebanyak 40 aduan bagi bulan Mac 2024 dan 32 aduan daripadanya telah diselesaikan oleh penyiasat aduan PPj.

“Selaku perantara PBT dan komuniti masyarakat, melalui Precint Rangers saya dapat membantu memantau kerosakan atau apa sahaja yang boleh memudaratkan kepentingan awam sebelum keadaan menjadi lebih serius.

“Saya amat gembira apabila isu dan permasalahan yang telah saya



**PIHAK PPj sentiasa memastikan penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya selesa, selamat dan harmoni.**

kemukakan mendapat tindakan segera. Itu yang menyebabkan saya berbesar hati untuk menyumbang kembali kepada PPj dan juga Putrajaya melalui peranan sebagai ahli pasukan Precint Rangers.

“Secara tidak langsung, ia juga dapat memberi manfaat dan keselesaan kepada komuniti di kawasan kediaman saya,” ujarnya.

Menurut Sururi, dia mula menyertai pasukan Precint Rangers sejak mula ditubuhkan pada 7 Julai 2022.

“Ketika itu, pihak PPj telah mengaktifkan kumpulan WhatsApp yang dinamakan sebagai Precint Rangers sebagai platform penyaluran aduan proaktif daripada warga PPj sendiri. Kumpulan WhatsApp tersebut disertai seramai 491 orang warga PPj yang menetap di Putrajaya mengikut presint kediaman masing-masing.

“Melalui platform tersebut, warga PPj dapat memberikan maklum balas berkenaan sebarang isu atau permasalahan yang berada di bawah seliaan PPj sebelum ia menjadi aduan awam.

“Saya selaku wakil kepada pihak PPj berharap agar semua ahli Precint Rangers akan lebih komited dalam menyalurkan aduan yang memberi impak positif bagi memastikan komuniti dan pemegang taruh di Putrajaya mendapat manfaat dari segi keselesaan, keselamatan dan kemakmuran bersama,” ujarnya yang juga merupakan pemenang Precint Rangers pada bulan Mac 2024.

Terdahulu, Precint Rangers diwujudkan bertujuan untuk membina jaringan komunikasi yang baik di antara warga PPj dan orang

awam melalui sikap keprihatinan yang dipupuk dengan pemantauan kawasan kediaman.

Melalui cara itu, masyarakat akan berasa didengari dan isu serta permasalahan dapat diselesaikan dengan cepat sebelum mereka memfailkan aduan rasmi.

Precint Rangers dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon A bagi ahli yang menetap di Presint 5, 6, 8 dan 9 dengan dianggotai oleh seramai 122 orang ahli, Zon B bagi ahli yang menetap di Presint 10, 11, 12 dan 14 dengan jumlah ahli seramai 164 orang dan Zon C iaitu ahli yang menetap di Presint 15, 16, 17 dan 18 dengan bilangan seramai 205 ahli.

Dalam masa sama, penghargaan juga akan diberikan kepada ahli pasukan Precint Rangers yang paling aktif bagi setiap bulan untuk memberi motivasi dan menaikkan semangat setiap ahli pasukan agar sentiasa peka dan prihatin dalam mengemukakan isu serta permasalahan di kawasan kediaman masing-masing.

Pemenang Precint Rangers akan dipilih berdasarkan jumlah aduan terbanyak yang dikemukakan oleh ahli pada setiap bulan. Selain itu, aduan yang dikemukakan mestilah memberi impak besar kepada komuniti dan PPj sendiri. 📌



**SURURI**

## PPj muncul penerima Anugerah ASEAN Clean Tourist City

**PERBADANAN** Putrajaya (PPj) melakar sejarah apabila muncul sebagai salah satu penerima Anugerah ASEAN Clean Tourist City 2024-2026 daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di Cyberview Resorts & SPA baru-baru ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pengiktirafan peringkat antarabangsa yang diterima Putrajaya itu adalah selari ke arah menyokong dan menjayakan visi utama Wilayah Persekutuan - C.H.A.S.E City (Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City and Eco-Friendly City) yang digagaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

“PPj akan terus berusaha mengekalkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan dan pembangunan perbandaran sekali gus menyumbang ke arah merealisasikan visi Putrajaya Bandar Pentadbiran Mampan bertaraf dunia,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing menggesa penggiat industri pelancongan untuk sentiasa mematuhi Standard Pelancongan ASEAN bagi meningkatkan kualiti



**WAKIL PPj menerima anugerah daripada MOTAC baru-baru ini.**

perkhidmatan sektor itu sekali gus mempromosikan imej pelancongan negara yang baik.

“Kini terdapat kecenderungan dalam kalangan pelancong luar negara untuk tidak menggunakan perkhidmatan ejen pelancongan berdaftar disebabkan kualiti perkhidmatan segelintir pengusaha pelancongan yang lemah.

“Oleh itu, pemain industri

perkhidmatan harus bangkit memperkasakan perkhidmatan dan melahirkan inisiatif baharu demi menarik lebih ramai pelancong ke negara kita,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata Standard Pelancongan ASEAN berfungsi sebagai standard untuk semua negara anggota ASEAN dan pemain industri pelancongan serantau dalam

menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan cemerlang kepada pelancong dengan matlamat menjadikan ASEAN sebagai destinasi kelas dunia selaras dengan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2016-2025.

“Standard itu adalah piawaian serta panduan kepada semua negara anggota ASEAN dalam menyediakan penyampaian

perkhidmatan yang berkualiti kepada pelancong.

“Terdapat sembilan Standard Pelancongan sedia ada antaranya ASEAN Green Hotel Standard, ASEAN Homestay Standard, ASEAN Community Based Tourism Standard dan ASEAN Clean Tourist City Standard,” katanya.

Terdahulu, Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Peringkat Kebangsaan 2024 yang dianjurkan oleh MOTAC adalah untuk merai 107 orang penerima yang telah memenuhi standard pelancongan ASEAN minimum antaranya Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur dan Hotel Shangri-La Rasa Sayang Resort & Spa bagi kategori ASEAN Green Hotel Standard manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang bagi ASEAN Clean Tourist City Standard.

20 daripada 107 orang penerima termasuk Perbadanan Putrajaya juga telah menerima pengiktirafan ASEAN di Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2024 di Vientiane, Lao PDR pada 26 Januari 2024.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Roslan Tan Sri Abdul Rahman mewakili Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing. 📌

Rangsang pertumbuhan dengan lebih baik

# Perluas skop industri sukan negara

SABRINA SABRE

**K**ERTAS kabinet berkenaan usaha mewujudkan sektor industri sukan dijangka dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh sebulan.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata kertas kabinet bagi mewujudkan sektor di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) itu penting bagi memperluas skop industri sukan di negara ini dan tidak hanya tertumpu kepada latihan atau atlet semata-mata.

“Skop itu termasuk perubahan sukan, suplemen, insurans, pengusaha gim dan fasiliti sukan, penganjuran aktiviti sukan serta persidangan dan pelbagai lagi aktiviti melibatkan sukan yang berpotensi menambah pendapatan negara.

“Penting lihat industri berada di sekitar sukan itu sendiri dan lihat cara bagaimana kita dapat bersama di bawah kementerian ini. Kita wujudkan sektor industri sukan itu dan berkerjasama dengan Jabatan Perangkaan (DOSM) bagi mengumpul data-data berkaitan bagi melangkah ke hadapan.



**PEMBANGUNAN** industri sukan dilihat mampu menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan usaha mengembangkan aktiviti ekonomi negara.

“Sebelum ini kita telah bekerjasama dengan DOSM tetapi data tersebut mengenai nilai


jualan menerusi sukan, apabila ada penganjuran sukan kita lihat berapa yang dibelanjakan tetapi

kita mahu skop lebih daripada itu, jadi sektor industri sukan diharap capai hasrat kita ini,”

katanya selepas perasmian Kongres Persekutuan Perubatan Sukan Asia Ke-18 dan Persidangan Perubatan Sukan dan Sains Sukan Institut Sukan Negara Kelapan.

Selain itu, Hannah berkata dengan data yang lebih menyeluruh melibatkan sektor industri sukan nanti, pihaknya akan mampu merangsang pertumbuhan sukan di negara ini dengan lebih baik, antaranya dengan membawa lebih banyak dana dan pelaburan dalam industri tersebut.

“Dengan langkah ini juga, KBS tidak akan dilihat lagi sebagai sebuah kementerian kecil yang menjaga belia dan sukan sahaja. Ada sebuah industri di situ yang kita boleh teroka dan memberikan manfaat kepada rakyat,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata penubuhan sektor industri sukan itu juga diharap dapat membolehkan kerajaan menyalurkan dana yang lebih khusus untuk KBS antaranya dalam bidang perubahan sukan dan sains sukan yang mana sekarang lebih banyak diberikan kepada Kementerian Kesihatan. 

## Harap individu pecah amanah didakwa

**KESATUAN** Ragbi Malaysia (KRM) berharap individu di sebalik isu pecah amanah disyaki berlaku dalam pengendalian akaun bank badan induk itu didakwa segera.

Presidennya, **Amir Amri Mohamad** mendedahkan impak daripada isu pecah amanah itu masih dirasai KRM dan secara tidak langsung menjejaskan kantung kewangan mereka dan usaha mencari tajaan.

“Kami harap kes tersebut akan didakwa dalam masa terdekat kerana ia memberi satu kesan yang besar kepada perkembangan dan bantuan kepada KRM. Selagi kes ini tidak didakwa, semua lihat seperti pihak KRM tiada tindakan susulan yang diambil atas apa yang telah berlaku.

“Saya yakin dan percaya pihak polis akan jalankan tugas sebaik-baiknya,” katanya selepas Majlis Penutup Seminar KRM 2024 di Wisma OCM baru-baru ini.

Pada Disember 2022, KRM membuat laporan polis berhubung kes pecah amanah yang disyaki dilakukan seorang daripada kakitangannya dengan memalsukan tandatangan Presiden dan Bendahari Kehormat KRM bagi memasukkan nama beliau sebagai seorang daripada penandatangan cek.

Menurut KRM, kakitangan itu juga disyaki memalsukan tandatangan untuk membuat pengeluaran wang tunai daripada bank.

Dalam perkembangan lain, Amir berkata KRM bersetuju untuk melaksanakan penetapan baharu iaitu seorang pemain hanya boleh mendaftar untuk bermain dalam satu liga negeri sahaja bagi tahun 2024.

Beliau menyifatkan perkembangan itu




**ISU pecah amanah perlu ditangani segera.**

yang melarang pemain beraksi di dua liga negeri dalam satu masa antaranya dapat membantu kesatuan negeri masing-masing mengenal pasti bakat baharu untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

“Bila kita buat satu pemain satu liga negeri akan berlakunya pertumbuhan pemain baharu dari negeri tersebut yang mana ianya dapat memberi ruang dan peluang kepada pemain baharu untuk menonjol di peringkat liga negeri.

“Ini merupakan satu pandangan dan

keputusan yang begitu positif bagi saya. Kita kena mencuba benda yang baharu dan harapkan hasil yang positif. Kalau ia nampak baik kita akan teruskan,” ujarnya.

Pada masa sama, beliau berkata KRM akan berbincang bersama ahli gabungannya dari semasa ke semasa berhubung penetapan baharu itu termasuk cadangan untuk mewujudkan satu mekanisme yang akan memanfaatkan kedua-dua kesatuan negeri dan pemain. 


## MAKSWIP tamat kemarau 10 tahun

**USAHA** berterusan tanpa mengenal erti putus asa akhirnya membuahkan hasil buat pasukan Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) apabila mengungguli acara futsal wanita Sukan Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK) 2024.

Skuad futsal wanita MAKSWIP mewakili Kuala Lumpur bimbingan Mohamad Taufik Yaiyah itu berjaya menumpaskan Sabah 1-0 menerusi jaringan Jaciah Jumilis dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Sport City Indahpura, Kulai, Johor pada malam Sabtu.

Ia adalah kejayaan pertama MAKSWIP dalam tempoh 10 tahun. Lebih manis lagi apabila Jaciah diangkat sebagai pemain terbaik wanita, penjaga gawang; Noorasyeimah Mohd Rashid dipilih sebagai penjaga gol terbaik dan penjaring gol terbanyak MAKSAK 2024 manakala Nurul Nadiah Roslan pula dipilih sebagai pemain harapan terbaik.

Pengurus pasukan MAKSWIP, Siti Maryam Anuar berkata kali ini pasukannya lebih bersedia menentang pihak lawan setelah hanya menduduki tempat ketiga pada Sukan MAKSAK tahun lalu.

“Edisi lalu kita tewas kepada Sabah di separuh akhir tetapi kali ini kita kalahkan mereka di pentas final,” ujarnya. 

# Bijak berbelanja usah ikut emosi

**D**ALAM situasi ekonomi yang kurang stabil, sesiapa pun tidak mengira status kusut memikirkan perbelanjaan seharian serta komitmen kewangan yang harus dilunaskan.

Namun perlu bijak membezakan antara keperluan berbanding kemahuan kerana ia mampu menjimatkan kewangan dan mengelakkan pembaziran.

**DEEL ANJER**, mendapatkan pandangan selebriti popular seperti Marsha Milan, Haqiem Rusli, Dayana Roza dan Hun Haqiem juga turut melakukan perkara sama dengan merancang kewangan yang lebih sistematik.

## Bisnes sampingan

**PELANTUN** lagu Darah, **Marsha Milan** mengesyorkan sesiapa sahaja untuk mencari alternatif lain dalam meraih pendapatan dengan membuat bisnes sampingan.

Dalam masa sama, dia turut kagum dengan rakan artis dan peminat yang bertungkus-lumus ke arah itu demi memastikan pendapatan lebih stabil.

“Saya lihat ramai artis buat bisnes sampingan untuk menampung kos hidup. Walaupun berlakon dan menyanyi, mereka tetap curi masa untuk buat bisnes kerana ia boleh membantu untuk kita menyimpan.

“Teruskan bekerja seperti biasa. Kalau ada masa boleh buat bisnes sampingan dan paling penting kenal sentiasa berjimat cermat demi masa depan sendiri dan keluarga,” luahnya.

Tambahnya amalan berjimat cermat juga sangat penting antaranya menyenaraikan keperluan yang patut dibeli agar tidak berbelanja lebih daripada sepatutnya.

“Saya jenis yang suka buat bajet terlebih dahulu. Itu namanya

perancangan kewangan. Berapa atau banyak mana berjimat tu, bergantunglah kepada keperluan kita. Setiap orang berbeza. Jadi kenal senaraikan agar kita betul-betul fokus membeli apa yang sepatutnya,” ujarnya.

Menyentuh tentang kerjaya, Marsha bersyukur lagu Dulu, Kini Dan Akhirnya yang merupakan runut bunyi drama bersiri Lelaki Itu mendapat sambutan hebat daripada pelbagai pihak.

“Jika tiada halangan, lagu terbaharu saya berjudul Hening Rindu akan dilancarkan secara rasmi pada minggu depan. Lagu yang akan jadi runut bunyi untuk drama Aku Bukan Ustazah ini

dah keluar di platform digital, jadi belum ramai yang tahu,” katanya.



## Dayana Roza suka banding harga

**PELAKON** Dayana Roza juga tidak ketinggalan dalam mengambil langkah berjimat cermat dengan membuat perbandingan harga sebelum membeli sesuatu.

“Amalan ini penting kerana kadang kala ada perbezaan. Lain kedai, lain harganya walaupun barang yang dijual sama dari segi jenis dan kualitinya. Ini membantu kita berjimat.

“Sekurang-kurangnya apa yang dapat dijimatkan di situ, kita boleh gunakan untuk perkara lain. Walaupun mungkin harganya beza sedikit, tetap besar nilainya dalam keadaan ekonomi sekarang,” katanya.

Pelakon yang popular dengan drama bersiri Asam Pedas Untuk

Dia ini juga menyarankan agar mereka yang mempunyai ramai anak atau tanggungan tidak terlalu memikirkan jenama.

“Jika barangan itu mempunyai kualiti yang baik setanding dengan barangan berjenama, ia pasti menjimatkan belanja. Kena bijak dalam memilih,” ujarnya lagi.

Selepas mendirikan rumah tangga dan memiliki seorang cahaya mata, dia gemar memasak di rumah. Selain jimat ia juga lebih selamat.

“Apabila memasak di rumah, bukan sahaja dapat berjimat tetapi juga mengeratkan hubungan bersama suami dan anak. Bukanlah tak boleh makan di luar, cuma kita selang-seli,” ujarnya.

## Hun Haqiem buat simpanan tetap

**PELAKON** Hun Haqiem ada cara tersendiri dalam berjimat cermat dengan mewajibkan diri sendiri membuat simpanan tetap sebanyak 10 peratus pada setiap bulan.

“Mungkin pada mulanya agak sukar kerana saya faham semua orang ada komitmen yang perlu diselesaikan. Payah macam mana pun, amalkan buat simpanan.

“Jika kita menghadapi apa-apa kecemasan atau kesulitan yang tidak terduga, wang simpanan itu boleh digunakan,” katanya.

Seperti anak muda lain, dia juga suka berbelanja namun meletakkan tanda aras kepada dirinya agar sentiasa berpada-pada dalam semua segi.

“Buat sedikit perancangan sebelum berbelanja. Nampak macam simple, tapi ia sangat membantu dalam kita berjimat cermat. Macam



## Tahan nafsu belanja

**BAGI** penyanyi yang popular dengan lagu Tergantung Sepi, **Haqiem Rusli** menyarankan agar kita semua mengawal nafsu berbelanja demi kesejahteraan hidup.

“Menahan nafsu belanja itu sangat penting untuk mengelakkan kesempitan kewangan. Jadi mulalah belajar mencantas perbelanjaan yang tak perlu sebagai salah satu strategi untuk berjimat.

“Misalnya, bagi mereka yang suka melepak di luar terutamanya hujung minggu, kurang-kurangkanlah. Maksud saya, bukan tak boleh lepak tetapi banyakkannya duduk di rumah dan makan di rumah.

“Rasanya bagi mereka yang sudah berkeluarga, ini pun langkah yang baik. Selain berjimat, boleh merapatkan hubungan bersama pasangan dan anak-anak,” katanya.

Selain itu, Haqiem juga mengajak masyarakat mengkaji semula rentak atau gaya perbelanjaan setiap individu.

“Utamakan keperluan contohnya kalau ada pelan Internet atau telefon bimbit yang lebih murah dan berbaloi, bolehlah cuba tukar. Kalau dah tahu ada yang lebih murah dan berbaloi, kenapa tidak?,” ujarnya.





Perkahwinan adalah amanah dari Allah

## Penuhi tanggungjawab kunci kebahagiaan dunia akhirat

SYED HAZIQUE

**P**ERKAHWINAN merupakan penyatuan hati antara dua insan dalam satu ikatan sah yang menuntut pengorbanan antara satu sama lain sepanjang kehidupan bersama.

Menurut istilah syarak, nikah atau pekahwinan ialah suatu akad yang menghalalkan istimta' iaitu bersetubuh atau berseronok-seronok di antara suami isteri dengan cara yang dibenarkan oleh syarak.

Pernikahan adalah fitrah manusia, maka dari itu Islam menganjurkan untuk menikah kerana nikah merupakan gharizah insaniyyah (naluri kemanusiaan).

Hidup berkeluarga ini pada dasarnya lebih berkat, tenteram dan teratur berbanding hidup berseorangan, membujang atau menyendiri.

Hubungan suci seorang lelaki dan perempuan yang mukallaf melalui ikatan perkahwinan ini menggambarkan corak kehidupan sempurna yang direzki Allah dan dianjurkan oleh Rasulullah.

Rumah tangga yang dibina merupakan alam pertama yang boleh menentukan sejahtera atau tidaknya sesebuah masyarakat yang diwakili oleh individu-individu yang menyokongnya.

Seandainya suasana sesebuah rumah tangga itu aman dan kasih-mengasahi antara satu dengan yang lain, maka insya-Allah akan tenteram dan sejahtera masyarakat.

Pendakwah, Mohamad Nurul Iqbal Abdul Rahim berkata, perkahwinan merupakan satu alam yang penuh dengan tanggungjawab suami serta isteri bagi mengukuhkan rumah tangga yang dibina.

Menurutnya, adalah penting bagi setiap pasangan untuk memahami ikatan yang telah diamanahkan dengan sebaik-baiknya.

"Sebagai contoh, suami perlu menyediakan keperluan asas buat keluarganya seperti tempat untuk tidur, makanan, ubat-ubatan, alat-alat memasak, bilik mandi dan sebagainya.



SENTIASA berlemah-lembut dalam melayani pasangan. -Gambar hiasan

"Bina yang asas dahulu, ia dilihat mudah tapi sukar untuk dijalankan tanggungjawab ini, apabila asas tanggungjawab kukuh maka mahligai yang dibina akan menjadi kuat," katanya ketika dihubungi.

Jelas Mohamad Nurul Iqbal, suami juga perlu memberi nafkah tempat tinggal mengikut kemampuan.

"Suami perlu faham tanggungjawab dengan memberikan nafkah tempat tinggal kepada isteri mengikut kemampuan dari segi kewangan suami itu sendiri.

"Justeru itu, sebaiknya, tidak menghimpunkan isteri bersama ibu bapa atau kaum kerabat suami melainkan jika isteri reda untuk berkongsi kediaman yang sama.

"Selain itu, ia juga dapat memberikan ruang untuk pasangan suami isteri membina hubungan lebih intim daripada diganggu mana-mana pihak," ujarnya.

Dalam pada itu, menurutnya lagi, suami juga perlu menjaga

maruah isteri dengan baik.

"Suami seharusnya bergaul bersama isteri dengan cara yang baik sama ada daripada sudut adat dan yang lebih penting lagi, selagi ia berlandaskan syariat.

"Jangan pula cuba untuk menjatuhkan maruah isteri, fahami isteri dengan lebih kerana suami adalah tempat untuk isteri meluahkan rasa sedih mahupun gembira," ujarnya.

Malah, katanya, suami juga perlu sentiasa membimbing isteri dengan ajaran Islam menuju keredhaan Allah.

Tambahnya, bagi pihak isteri pula, antara tanggungjawab ialah dengan mentaati suami selagi mana ia tidak bertentangan dengan syariat selain menjaga maruah diri dan suami.

"Perkara ini dilihat memang mudah, namun agak sukar untuk dilakukan. Namun jika ia dijalankan percayalah suasana rumah tangga akan menjadi lebih tenang.

"Misalnya tidak membenarkan lelaki yang bukan mahram atau yang dibenci suami masuk ke dalam rumah. Isteri perlu untuk patuh terhadap suruhan suami (selagi bu-

kan perkara maksiat) dan sentiasa suka melayan suami zahir dan batin.

"Antara contoh lain tanggungjawab isteri ialah tidak meninggalkan rumah tanpa izin suami (kecuali dalam situasi darurat)," jelasnya.

Mohamad Nurul Iqbal menegaskan, suami dan isteri yang mengabaikan tanggungjawab masing-masing dianggap cuai dalam melaksanakan tanggungjawab dan dihukumkan sebagai berdosa.

"Apabila berlaku kemelut dan krisis rumah tangga hendaklah berbincang dengan baik dan juga bertanya kepada orang yang soleh dalam kalangan keluarga yang begitu arif dengan pengalaman kekeluargaan.

"Begitu juga, sebagai alternatif terakhir pergilah ke kaunselor yang bertauliah di pejabat agama Islam negeri masing-masing untuk merungkai kekhilafan yang berlaku dan mencari titik perdamaian untuk keharmonian rumah tangga," katanya.

Menurutnya lagi, banyak nilai-nilai murni yang boleh diterapkan untuk menjadi amalan agar suami dan isteri kekal bahagia.

"Perlunya kejujuran dalam melayari bahtera kehidupan walau sepahit mana pun kebenarannya.

"Selain itu, sentiasa mengutamakan solat berjemaah dan solat malam bagi mengekalkan ikatan paling kukuh dan paling baik untuk pasangan. Apabila hubungan bersama Allah itu menjadi kukuh, maka ikatan suami isteri juga akan semakin erat.

"Dan antara amalan atau nilai murni yang boleh diterapkan perbanyakkan doa seperti yang diajar oleh Islam," ujarnya.

Mohamad Nurul Iqbal turut mengingatkan pasangan suami dan isteri bahawa perkahwinan adalah suatu tanggungjawab yang besar yang diamanahkan oleh Allah SWT.

"Hendaklah kita memenuhi tanggungjawab dan hak masing-masing sebagai suami isteri bagi menggapai erti sebenar keluarga yang bahagia di dunia dan akhirat," tegasnya.

## MAIWP salur lebih RM16 juta

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyalurkan sumbangan Aidilfitri lebih RM16 juta kepada asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dalam usaha menggembarakan golongan berkenaan pada musim perayaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata bantuan itu diberikan sebelum Syawal sebanyak RM16.1 juta kepada 32,250 asnaf di ketiga-tiga wilayah dengan setiap seorang mendapat RM500.

"Pada hari ini MAIWP beri lagi sumbangan tambahan kepada asnaf dan anak-anak mereka bersempena Rahmah Syawal MAIWP: Jalinan Aidilfitri Bersama Asnaf sebanyak RM150,000.

"Kita harap dengan sumbangan diberikan ini mereka dapat sambut Syawal dengan rasa gembira. Seperti kita maklum bantuan-bantuan lain seperti perubatan, bulanan dan kesihatan masih berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyantuni dan menyerahkan sumbangan kepada asnaf pada Majlis Rahmah Syawal MAIWP: Jalinan Aidilfitri Bersama Asnaf pada Selasa.

MAIWP dalam kenyataan hari ini memaklumkan 600 asnaf terdiri daripada 400 dewasa menerima sumbangan wang tunai dan cenderahati bernilai RM350 seorang manakala manakala 200 kanak-kanak menerima RM50 seorang pada majlis tersebut.

Pada majlis sama, MAIWP turut melancarkan Projek Mobile Lab Internet 2 dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Dana Kita, iaitu kesinambungan daripada Mobile Lab Internet 1 yang mula beroperasi pada 2021. - BERNAMA



MOHAMAD NURUL IQBAL